

# PARLIMEN

# MALAYSIA

*wmHHsmm*

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUABELAS 2012**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan  
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan  
Rakyat Daripada Kementerian**

**HARI RABU: 27 JUN 2012**

CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO.  
12,14 HINGGA 102)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 13 [RUJUK  
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**



**SOALAN NO: 12**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN DARI PAD A**

**LISAN**

**TARIKH RUJUKAN**

**YB. TUAN LIM LIP ENG [  
SEGAMBUT ]**

**SOALAN**

**RABU, 27 JUN 2012**

**Tuan Lim Lip Eng [ 24 [PR-1252-L50340] Segambut ]**

minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan aktiviti kutipan bayaran di tapak letak kereta tanpa lesen di tapak lapang di luar pintu belakang Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur dan pada waktu malam di Jalan 22A/70A, Desa Sri Hartamas, 50480 Kuala Lumpur.



Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Segambut, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dan akan meneruskan tindakan penguatkuasaan terhadap penjaga kereta haram di Jalan 22A/70A, Desa Sri Hartamas, 50480 Kuala Lumpur.

Sepanjang tahun 2011, seramai enam (6) orang telah ditangkap, manakala bagi tahun 2012 iaitu sehingga 15 Mei 2012 pula, seramai tiga (3) orang pula telah ditangkap. Mereka yang telah ditangkap tersebut telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. DBKL akan meneruskan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan tersebut dari masa ke semasa bagi menangani masalah yang dibangkitkan ini.

Dalam masa yang sama, Kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berharap agar orang ramai tidak memberikan bayaran kepada mana-mana pihak yang membuat kutipan bayaran letak kereta secara haram tersebut. Orang ramai juga boleh menyalurkan maklumat aktiviti haram berkenaan kepada pihak berkuasa untuk sebarang tindakan lanjut.

**SOALAN NO  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARI PAD A**

**KAWASAN  
TARIKH**

**LISAN**  
**YB. DR. HIEW KING CHEU KOTA  
KINABALU 27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN:**

**YB. DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengapa tiada pemasangan lampu jalan di lebuh raya persekutuan di Sabah, contohnya ke Beaufort, Tuaran, Kota Belud, Penampang, dan juga kawasan-kawasan lain.**

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya prihatin dan komited untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini, khususnya kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan.

ia dilaksanakan antara lain menerusi program keselamatan jalan, termasuklah pemasangan perabot dan aksesori jalan seperti lampu-lampu jalan. Namun demikian, pemasangan lampu jalan di Jalan Persekutuan adalah terhad di lokasi-lokasi strategik dan berisiko kemalangan sahaja seperti di persimpangan jalan, selekoh dan kawasan tumpuan ramai. Ini kerana cadangan pemasangan lampu di sepanjang Jalan Persekutuan seperti di seluruh Negeri Sabah akan melibatkan kos yang sangat tinggi. Oleh itu, faktor analisa kos faedah projek perlu diambil kira secara keseluruhan oleh kementerian ini semasa proses mereka bentuk sesuatu jalan itu. Ia bagi memastikan Kerajaan memperoleh nilai terbaik untuk wang (*best value for money*) daripada setiap peruntukan yang telah dibelanjakan.

Walau pun begitu, Kementerian Kerja Raya sentiasa berusaha untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan jalan raya di negara ini, khususnya melibatkan lokasi atau kawasan yang kerap berlaku kemalangan atau (*blackspots*). Program *blackspot* ini merupakan salah satu daripada penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB. Menteri

di mana pada tahun ini sahaja Kementerian Kerja Raya telah menetapkan sasaran 60 lokasi *blackspot* atau lokasi kerap berlaku kemalangan yang akan dinaikkan taraf di seluruh negara, termasuklah 5 lokasi di Negeri Sabah. Antara skop kerja program tersebut ialah menaik taraf seiekoh, melebarkan dan menurap bahu jalan, membina kemudahan lintasan pejalan kaki (jejantas/lintasan searas), menambah baik perabot jalan dan pemasangan lampu jalan. Anggaran kos pembaikan ialah antara RM100,000 hingga RM500,000 dan ia mengambil masa kurang daripada 6 bulan untuk disiapkan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA SHAHRIR BIN AB. SAMAD**

**[JOHOR BHARU]**

**TARIKH : 27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN 15**

Datuk Seri Utama Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bharu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan jumlah sekolah penerbangan yang telah ditutup semenjak tahun 2010 dan jumlah pelajar yang terlibat serta tindakan Kementerian memastikan pelajar-pelajar sekolah mendapat

pembelaan sewajarnya.

Tuan Yang Di Pertua,

Jawapan:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 2010 terdapat 3 buah sekolah penerbangan yang telah ditutup iaitu Gulf Golden International Flying Academy Sdn. Bhd. (GGIFA) di Bintulu, Integrated Training & Services (IT&S) di Ipoh dan KL International Flying Academy (KLIFA) di Johor Bahru. Akibat daripada penutupan 3 buah sekolah penerbangan tersebut, seramai 234 orang pelajar telah terkandas dan tidak dapat menamatkan latihan penerbangan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Kerajaan memandang serius terhadap perkara ini dan telah mengambil beberapa tindakan melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA), bagi memastikan pelajar-pelajar tersebut mendapat pembelaan sewajarnya. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) memberi kelonggaran syarat kepada pelajar-pelajar yang terlibat untuk bertukar dan menyambung pengajian ke sekolah penerbangan yang lain; dan

Jawapan:

- (ii) menyarankan pelajar-pelajar yang terlibat untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sekolah penerangan atas kegagalan memenuhi perjanjian yang telah dimeterai antara kedua-dua pihak.

**SOALAN NO. 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

**JAWAB LISAN**

DARIPADA                    YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF

[ RANTAU PANJANG]

TARIKH                    27 JUN 2012 (Rabu)

**SOALAN**

YB Puan Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik kelahiran anak tidak sah taraf yang berdaftar sejak tahun 2000 hingga 2011 dan apa penyelesaian Kerajaan untuk mengatasi masalah ini secara holistik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan kejadian kelahiran anak luar nikah atau anak tak sah taraf di seluruh negara. Usaha membanteras gejala ini memerlukan kerjasama semua pihak dan tidak terletak di bahu KPWK semata-mata.

Berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), bilangan kelahiran anak luar nikah atau anak tak sah taraf meningkat dari setahun ke setahun iaitu seramai 44,234 orang bagi tahun 2007, 46,822 orang (tahun 2008), 52,378 orang (tahun 2009), 52,982 orang (tahun 2010) dan seramai 53,788 orang (tahun 2011). Sehubungan itu, jumlah keseluruhan kelahiran anak luar nikah bagi tempoh lima (5) tahun tersebut ialah seramai 250,204 orang.

Daripada jumlah keseluruhan dalam tempoh 5 tahun tersebut, bangsa Melayu mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu seramai 84,594 orang berbanding bangsa India seramai 24,446 orang dan Cina seramai 21,873

orang. Manakala bagi lain-lain bangsa pula, jumlah yang dicatatkan bagi tempoh tersebut adalah seramai 119,291 orang.

Berdasarkan kerja kes yang dijalankan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, antara sebab utama berlakunya kelahiran anak luar nikah adalah seperti berikut:

- i) Pengaruh rakan sebaya;
- ii) Rela melakukan hubungan seks tanpa paksaan;
- iii) Tidak mempunyai pengetahuan kesihatan reproduktif dan seksual;
- iv) Kurangnya perhatian ibu bapa;
- v) Membuktikan cinta kepada pasangan;
- vi) Menonton video dan laman web lucu hingga mendorong melakukan hubungan seks;
- vii) Kurangnya didikan agama;
- viii) Ingin mencuba; dan
- ix) Diperkosa.

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM telah mengambil langkah-langkah berikut bagi menangani isu

kelahiran anak luar nikah:

- i) menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial Kebangsaan pada tahun 2009. Dasar dan Pelan Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat terutama ibu bapa dan remaja berhubung kesihatan reproduktif dan kesan negatif akibat perlakuan seksual di luar nikah;
- ii) KPWKM juga telah melancarkan kempen Kami Prihatin dengan kerjasama Kumpulan Utusan Malaysia, Persatuan Karyawan dan Astro Holdings Sdn. Bhd. pada bulan April tahun 2010. Kempen tersebut yang dijalankan secara berterusan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat, termasuk pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi untuk bersama-sama menangani kelahiran anak luar nikah;
- iii) KPWKM menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mengintegrasikan modul Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial (PKRS) ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Modul ini menekankan aspek menghindari situasi berisiko tinggi, kemahiran dan teknik penangguhan serta kemahiran penolakan kepada pelatih. Semenjak tahun 2011 sehingga

Mac 2012, seramai 84,376 orang pelatih PLKN di 84 kern PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut. Bagi tahun 2012, lebih kurang 100,000 orang pelatih akan mengikut modul berkenaan;

- iv) Pusat Remaja Kafe@TEEN yang dibuka oleh LPPKN menyediakan khidmat sokongan untuk remaja yang menghadapi masalah dan memerlukan bantuan menerusi Pusat Remaja kafe@TEEN. Sebanyak 6 pusat remaja kafe@TEEN iaitu di Ibu Pejabat LPPKN (Kuala Lumpur), Bertam (Pulau Pinang), Jalan Burmah (Pulau Pinang), Lembah Pantai (Kuala Lumpur), Seremban 2 (Negeri Sembilan) dan Kota Bharu (Kelantan) telah diwujudkan. Kafe@TEEN mensasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal dan program kemahiran hidup. Program *outreach* kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat ini telah berjaya mendekati seramai 427,677 orang remaja melalui 5,765 program/aktiviti dari bulan November 2005 hingga bulan April 2012;
- v) menyediakan talian perkhidmatan iaitu Talian Nur 15999 bagi membantu mereka yang mengandung luar nikah mendapatkan khidmat kaunseling

serta mendapatkan bantuan tanpa hadir secara fizikal, termasuk untuk mendapatkan perlindungan; dan

vi) LPPKN juga, berdasarkan perakuan di bawah Pelan Tindakan Kesihatan Reproduktif dan Sosial, telah membangunkan Modul Cakna Diri (Edisi Remaja dan Edisi Ibu Bapa) yang bertujuan untuk memberi panduan kepada remaja serta ibu bapa dalam memahami perkembangan remaja dan meningkatkan kemahiran untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan seksualiti.

Sebagai kesimpulan, langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dengan kerjasama semua pihak yang berkepentingan, diharapkan dapat mengurangkan gejala kelahiran anak luar nikah dan seterusnya dapat dibendung daripada berterusan.

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN]

TARIKH 27 JUN 2012 (RABU)

SOALAN 17

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bilangan projek pengerukan kapital (*Capital Dredging*) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 bagi semua pelabuhan Persekutuan. Berapakah perbelanjaan dan ukuran dalamnya (draft) bagi setiap projek itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli YB, sejak tahun 2010 sehingga kini, tiada sebarang projek pengerukan kapital (*Capital Dredging*) direkodkan bagi pelabuhan Persekutuan.

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN

[ BANDAR KUCHING ]

TARIKH : 27JUN2012

SOALAN

Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa bidang tanah Kerajaan telah dijual atau kepada 1 Malaysia Development Berhad, apakah keluasan dan lokasi tanah berkenaan, harga jualan (jika ada) dan terma-terma berkenaan pemberian atau penjualan tanah tersebut ke 1MDB.

JAWAPAN :

Kerajaan tidak pernah menjual tanah kepada 1MDB, dalam erti kata lazimnya. Transaksi pindah milik tanah kerajaan kepada 1MDB perlu dilihat dengan menyeluruh, bukan dengan hanya memfokuskan kepada jual beli tanah.

1MDB adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia yang mendukung projek-

projek strategik Kerajaan. Ia telah diberi mandat sebagai Pemaju Induk bagi projek pembangunan semula Lapangan Terbang Lama Sungai Besi dan juga bagi projek Kuala Lumpur International Financial District di Jalan Imbi.

Hak milik tanah-tanah tersebut telah dipindah dari pemilik sebelumnya, iaitu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada 1MDB. 1MDB, sebagai pemilik tanah, juga berperanan menerajui, merancang, melaksana dan menguruskan pembangunan-pembangunan tersebut. Pemilik muktamad projek Pembangunan Semula Sungai Besi (495-ekar) dan KLIFD (75-ekar) masih lagi Kerajaan Malaysia.



SOALAN NO. 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PAD A YB DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]

TARIKH 27 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

YB Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah penderaan kanak-kanak yang semakin serius pada masa kini.  
JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kanak-Kanak merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa

hadapan negara. Justeru, kepentingan dan kesejahteraan kanak-kanak dalam segala aspek kehidupan adalah amat penting dan harus diberi keutamaan. Tambahan pula, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) pada tahun 1995. Sebagai sebuah negara ahli CRC, Malaysia mempunyai obligasi untuk mematuhi prinsip dan peruntukan yang termaktub dalam Konvensyen ini.

Aspek melindungi kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksloitasi merupakan antara perkara utama yang termaktub dalam CRC. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai Kementerian peneraju dalam pembangunan dan hal ehwal kebajikan kanak-kanak, amat prihatin akan kes penderaan dan keganasan terhadap kanak-kanak.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menggubal Dasar Perlindungan Kanak-Kanak yang dipersetujui oleh kerajaan pada bulan Julai 2009. Dasar ini bertujuan untuk memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya. Dasar ini turut memastikan komitmen menyeluruh diambil oleh semua pihak, termasuk ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dalam melindungi kanak-

kanak khususnya daripada sebarang bentuk keganasan mental dan fizikal, kecederaan, pengabaian, penderaan atau eksplotasi dengan menyediakan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak.

Statistik kanak-kanak yang didera yang dilaporkan kepada JKM bagi tempoh beberapa tahun lepas ialah sebanyak 2,758 kes pada tahun 2008, 1,388 kes pada tahun 2009, 3,257 kes pada tahun 2010 dan 3,428 kes pada tahun 2011.

Antara langkah yang telah diambil oleh KPWKM untuk menangani masalah penderaan daripada terus berlaku adalah seperti berikut:

i. mengadakan program kemahiran keibubapaan kepada golongan ibu bapa supaya mereka sentiasa bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesejahteraan anak masing-masing. Justeru, sebagai langkah proaktif, program meningkatkan kemahiran keibubapaan seperti berikut telah dijalankan oleh KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN):

a) Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*) khusus untuk ibu bapa

yang bekerja di sektor awam atau swasta telah diperkenalkan sejak tahun 2007 bagi membantu ibu bapa bekerja mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga (*work life balance*). Antara aspek yang diliputi ialah cara gaya keibubapaan kreatif, pengurusan konflik khususnya masalah *interpersonal* yang mana diharap dapat meningkatkan kemahiran keibubapaan dalam mengendalikan anak remaja. Sejak tahun 2007 hingga bulan April 2012, sejumlah 475 program telah dilaksanakan oleh LPPKN di pejabat Kerajaan, sektor swasta dan NGO, melibatkan penyertaan 20,662 orang ibu bapa; dan

- b) mengadakan siri kursus Ilmu Keluarga@LPPKN pada setiap bulan di setiap negeri untuk memantapkan kemahiran ibu bapa dalam mendidik anak remaja dan seterusnya mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Sejak tahun 2006 hingga bulan April 2012, sejumlah 7,360 kursus telah diadakan di seluruh negara, melibatkan penyertaan seramai 790,968 orang peserta. Pelaksanaan kursus ini berdasarkan kepada Pakej Modul KASIH yang mengandungi tiga aspek keibubapaan iaitu:
- keibubapaan anak kecil;

- keibubapaan anak remaja; dan
  - kebapaan (*fatherhood*);
- ii. bagi meningkatkan keberkesanan usaha menangani kes penderaan kanak-kanak, perkhidmatan Talian Nur 15999 telah diperkenalkan pada tahun 2007 bagi memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membuat laporan menerusi telefon jika mendapati kanak-kanak didera oleh mana-mana pihak.
- Seterusnya, pada bulan November 2010, KPWKM telah memperluaskan perkhidmatan Talian Nur 15999 dengan mewujudkan talian khusus bagi aduan kanak-kanak iaitu *Childline* 15999. Talian ini merupakan talian tambahan bagi memberi perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak dan bertindak sebagai perantara untuk menangani kes penganiayaan kanak-kanak. Sejak dilancarkan sehingga 31 Disember 2011, talian ini telah mengendalikan sebanyak 5,972 panggilan;
- iii. Akta Kanak-Kanak yang digubal pada tahun 2001 mempunyai

peruntukan bagi menyelamat, melindungi dan memelihara kanak-kanak yang dianiayai atau didera. Sehubungan itu, Majlis Penyelarasan bagi Perlindungan Kanak-Kanak telah mewujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) yang melibatkan keanggotaan daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pegawai perubatan di seluruh Malaysia. Tujuan utama PPPK ialah untuk menyelaras perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Pada masa ini terdapat 131 buah PPPK di seluruh negara;

- iv. JKM juga telah melaksanakan pelbagai program seperti ceramah atau kursus kepada masyarakat setempat atau sukarelawan- sukarelawan bagi meningkatkan keselamatan kanak-kanak. Program ini adalah dengan kerjasama pelbagai pihak terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan, Jabatan Imigresen, Kementerian Pelajaran, agensi kerajaan yang berkaitan, NGO serta anggota masyarakat setempat;

v. sebanyak 142 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) telah diwujudkan di seluruh negara bagi menyediakan perkhidmatan sokongan dan advokasi kepada keluarga dan kanak-kanak berisiko tinggi dalam aspek penderaan dan pengabaian. Dari bulan Januari hingga April 2012, seramai 18,300 orang kanak-kanak telah mendapat perkhidmatan di PAKK. Antara program advokasi yang dijalankan di PAKK ialah seminar, kursus dan bengkel manakala program intervensi pula berbentuk motivasi, bimbingan kaunseling dan sukan; dan

Kesimpulannya, KPWKM amat prihatin dalam mengatasi masalah penderaan ke atas kanak-kanak dengan menyediakan pelbagai program yang dijalankan oleh Kementerian sendiri dan juga melalui agensi-agensi di bawahnya.

NO SOALAN : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

TARIKH 27 JUN 2012

**SOALAN**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan menyatakan mengapa durian runtuh sebanyak RM 15,000 diberikan kepada semua peneroka dan tidak diberikan mengikut jumlah pelaburan saham peneroka dalam Koperasi Permodalan FELDA (KPF).

JAWAPAN DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN  
MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian durian runtuh ini adalah satu bentuk penghargaan oleh Kerajaan kepada para peneroka di atas sumbangan besar mereka kepada pembangunan sosio-ekonomi negara di dalam sektor pertanian semenjak lebih daripada 50 tahun yang lepas. Menerusi usaha gigih mereka, para peneroka telah berjaya bersama-sama

menyumbang ke arah meletakkan Malaysia sebagai negara pengeluar produk hasil sawit dan getah yang terutama di dunia.

Oleh itu, pemberian durian runtuh sebanyak RM15,000 kepada setiap keluarga peneroka adalah asas yang adil dan saksama tanpa mengira status sosial atau kewangan mereka. Tambahan pula, pembayaran duit durian runtuh akan dibiayai dengan menggunakan dana dalaman FELDA serta hasil dana daripada penyenaraian FGV tanpa melibatkan Koperasi Permodalan FELDA (KPF).

oooooooooooooooooooo

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD  
[MUKAH]  
TARIKH 27 JUN 2012  
SOALAN

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Hospital Baru Mukah akan dibina.  
Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan memang telah mengenalpasti bahawa Hospital Mukah memerlukan bangunan yang baru bagi menggantikan blok lama yang agak uzur serta menyediakan kemudahan yang bersesuaian dengan perkhidmatan semasa. Namun keluasan tapak sedia ada agak terhad maka Kementerian Kesihatan Malaysia sedang meneliti kesesuaian tapak bersebelahan hospital yang dimiliki oleh Kementerian Pelajaran yang tidak digunakan bagi tujuan pembinaan blok baru berkenaan sehingga pihak Kementerian Pelajaran bersetuju melepaskan pemilikan tersebut.

Kementerian Kesihatan Malaysia sedang berhubung dengan Kementerian Pelajaran Malaysia sama ada tapak berkenaan boleh diserah guna kepada Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum permohonan tukar guna tapak dikemukakan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).



**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**LISAN**

**PERTANYAAN**

**YB. DATO' RASHID BIN DIN [  
MERBOK ]**

**RABU, 27 JUN 2012**

**TARIKH RUJUKAN**

**23 [PR-1252-L49961]**

**SOALAN**

**Dato' Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan berapakah kedai, gerai dan kemudahan berniaga yang lain yang telah rosak akibat perhimpunan Bersih 3.0 baru-baru ini, perincikan kerugian fizikal yang ditanggung Kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Berapa pula nilai keuntungan yang diraih oleh peniaga pada hari tersebut, termasuk bilik-bilik hotel dan penginapan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Merbok, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak membuat kajian mengenai bilangan kedai dan gerai yang telah rosak akibat perhimpunan Bersih 3.0 yang lepas. DBKL juga tidak mempunyai maklumat mengenai keuntungan yang diraih oleh peniaga-peniaga pada hari tersebut termasuk jumlah bilik-bilik hotel di penginapan yang lain.

Namun begitu, bagi perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa DBKL sendiri, **kos kerugian yang ditanggung akibat Bersih 3.0 ialah sebanyak RM351,206.45.** Kerosakan ini meliputi kerosakan landskap dan pokok, perabot jalan, *barricade* dan lain-lain.

Dari permerhatian DBKL, berlaku kerosakan kedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman termasuk Kompleks SOGO. Kedai-kedai berkenaan juga berkemungkinan mengalami kerugian kerana tidak dapat menjalankan perniagaan.

Selain itu, Kompleks PERTAMA, *Semua House* dan Kompleks *Champbell* serta perniaga-peniaga di Bazar Jalan Masjid India dan Pusat Penjaja Medan Pasar juga terpaksa menutup perniagaan lebih awal apabila kekacauan berlaku. Berdasarkan perkara ini sudah pasti peniaga-peniaga yang terlibat turut menanggung kerugian.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** LISAN

**DARI PADA** Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK

[ LUBOK ANTU ]

**TARIKH** 27 JUN 2012

**SOALAN:**

Y.B. Tuan William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan langkah-langkah drastik diambil oleh Kerajaan untuk mengembalikan minat pelajar-pelajar mempelajari Bahasa Inggeris khasnya pelajar-pelajar di luar bandar di mana setiap kali keputusan peperiksaan Bahasa Inggeris baik UPSR, PMR dan SPM ia menunjukkan kemerosotan begitu ketara

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merangka beberapa inisiatif untuk menarik minat pelajar di dalam mempelajari Bahasa Inggeris. Antaranya adalah dengan memperkenalkan Sistem Set Bahasa Inggeris di mana aktiviti pengayaan dan pengukuhan di dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) akan lebih berfokus kepada tahap profisiensi murid. P&P Bahasa Inggeris dilaksanakan melalui pendekatan didik hibur supaya murid dapat mempraktik dan menggunakan kemahiran bahasa yang dipelajari tanpa berasa tertekan.

Dalam usaha untuk meningkatkan minat murid dalam terhadap Bahasa Inggeris, KPM telah menyediakan bahan sumber pembelajaran digital serta makmal bahasa bagi menyokong dasar memperkuuhkan Bahasa Inggeris. Pada tahun 2011, sejumlah 1548 makmal computer/ pusat akses sekolah telah dilengkapkan dengan kemudahan makmal bahasa (Fasa 1). Dari jumlah ini sebanyak 1,105

adalah di luar bandar. Fungsi makmal bahasa ini adalah untuk meningkatkan minat pelajar dalam mengikuti kelas bahasa di makmal bahasa di samping membolehkan pelajar belajar secara individu atau lebih dikenali sebagai terarah kendiri (*self-directed*), akses kendiri (*self-access*), tempo kendiri (*self-paced*) dan penaksiran kendiri (*self-accessed*).

Manakala dari segi bahan sumber pembelajaran Bahasa Inggeris, sebanyak 131 buah rancangan telah diterbitkan pada tahun 2011 untuk EduwebTV dan 231 tajuk e-bahan dihasilkan untuk *e-learning*. Pada tahun ini sebanyak 52 rancangan Bahasa Inggeris akan dimuatnaik di atas talian *EduwebTV* menjelang bulan Oktober 2012. Sebanyak 15 tajuk e-bahan berserta 75 *learning objects* akan dibangunkan. Selain itu, bahan pembelajaran digital Bahasa Inggeris format CD telah diedarkan ke semua sekolah bandar dan luar bandar. Kajian awal yang dilaksanakan menunjukkan bahan sumber pembelajaran Bahasa Inggeris yang disediakan ini mampu menarik minat murid, boleh meningkatkan kemahiran murid dalam menguasai Bahasa Inggeris.

KPM juga melaksanakan pelbagai aktiviti kokurikulum Bahasa Inggeris dengan menglibatkan murid-murid dalam aktiviti kelab dan persatuan seperti pertandingan kuiz, pidato, bahas dan sebagainya di peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Di samping itu, program Guru Kontrak Bahasa Inggeris juga digunakan untuk mengembalikan minat murid mempelajari Bahasa Inggeris. Bermula tahun 2011 KPM telah melantik seramai 200 guru Bahasa Inggeris berpengalaman yang telah bersara sebagai guru kontrak. Bagi tahun 2012, KPM akan melantik lagi seramai 200 guru BI berpengalaman yang telah bersara sebagai guru kontrak. Pada masa yang sama, seramai 172 orang Guru Kontrak BI (daripada 200 orang kuota 2011) telah disambungkan kontrak bagi tahun 2012. Program Guru Kontrak Bahasa Inggeris ini merupakan salah satu inisiatif untuk memperkuuh bahasa Inggeris yang memberi peluang kepada guru-guru Bahasa Inggeris yang telah bersara kembali berkhidmat sebagai guru kontrak untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah. Penutur jati pula berperanan sebagai mentor kepada guru bahasa Inggeris. Selain itu, program penutur jati boleh memberi impak yang

positif dan menggalakkan kepada masyarakat persekitaran terutamanya dalam aspek sosialisasi dan kebudayaan.

Rjm 93

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN HJ NASHARUDIN MAT ISA (BACHOK)

TARIKH 27 JUN 2012 (RABU)

### SOALAN

YB Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah peruntukan perundangan yang sedia ada dapat mengekang perkembangan budaya LGBT yang semakin menular dalam masyarakat dan apakah tindakan yang bakal diambil bagi mengatasinya.  
JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin berhubung isu sosial yang timbul dalam masyarakat termasuklah kewujudan golongan, dengan izin *lesbian, gay, bisexual* dan *transgender* (LGBT).

Untuk makluman Yang Berhormat, di Malaysia terdapat dua perundangan sedia ada yang boleh digunakan bagi menangani isu LGBT, iaitu:

- (a) Kanun Keseksaan [Akta 574]; dan
- (b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] dan Enakmen / Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia.

Seksyen 377B Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan bagi kelakuan seks luar tabii boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebatan. Manakala hukuman bagi kesalahan melakukan seks di luar tabii tanpa kerelaan jelas diperuntukkan dalam seksyen 377C Kanun Keseksaan iaitu boleh dipenjarakan bagi tempoh 5 sehingga 20 tahun dan sebatan.

Selain itu, kesalahan berkaitan amalan LGBT juga diperuntukkan di bawah

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ataupun peruntukan yang sama dalam Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia.

Seksyen 25 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan bahawa orang lelaki yang melakukan hubungan seks sesama lelaki (*liwat* atau *gay*) boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Manakala Seksyen 26 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan bahawa orang perempuan yang melakukan hubungan seks sesama perempuan (*musahaqah* atau *lesbian*) boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Dalam Seksyen 28 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah

Persekutuan) 1997 pula, orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan tidak bermoral boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau hukuman penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Daripada penjelasan di atas, KPWKM berkeyakinan bahawa perundangan sedia ada sudah memadai untuk mengekang perkembangan budaya LGBT.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam pada itu, sebagai langkah intervensi, KPWKM melalui agensi-agensinya mempunyai program tertentu bagi mengatasi budaya LGBT daripada terus merebak. Antaranya ialah:

(i) penubuhan Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS) di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur. Pusat ini diwujudkan pada bulan Ogos 2007 bagi membantu tiga golongan iaitu mak nyah (*transgender*), pekerja seks wanita dan mereka yang berisiko dijangkiti dan menjangkiti HIV/AIDS.

Program ini dijalankan secara perkongsian bijak dengan pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan. PBKS menyediakan tempat persinggahan (*drop-in centre*) serta program pendampingan sosial (social *outreach programme*) kepada kumpulan sasarnya. Antara aktiviti yang dijalankan oleh PBKS adalah kaunseling, pendidikan agama, latihan kemahiran, rawatan kesihatan, penjagaan diri dan khidmat sokongan seperti rujukan kepada agensi-agensi berkaitan misalnya Jabatan Kebajikan Masyarakat, Baitulmal/Pusat Zakat dan hospital bagi mendapatkan bantuan kewangan dan rawatan kesihatan.

Pada tahun 2011, program pendampingan sosial yang dijalankan oleh pusat ini mencatatkan sebanyak 18,332 kehadiran manakala melalui perkhidmatan pusat persinggahan pula merekodkan kehadiran sebanyak 2,196.

(ii) KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut menjalankan pelbagai program dan kursus, antaranya Kaunseling Keluarga, Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS), Kafe@TEEN dan Ilmu Keluarga@LPPKN.

Program-program ini merupakan usaha KPWKM untuk mengukuhkan institusi keluarga serta mendidik ahli keluarga menjadi lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan peranan mereka sebagai ibu bapa dan anak-anak. Program ini secara tidak langsung dapat membantu menghindarkan diri mereka daripada terjebak dalam amalan LGBT.

- (iii) LPPKN turut membangunkan Modul Kesejahteraan Keluarga berhubung pendidikan kesihatan reproduktif sosial (PKRS). Antara aspek yang diliputi dalam modul ini ialah mengenai seksualiti iaitu nilai dan tanggungjawab seksual bagi seseorang individu. Aspek ini menekankan bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Selain itu PKRS telah diintegrasikan ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak bulan Jun 2011 di 84 buah kern PLKN. Sehingga Mac 2012, seramai 84,376 orang pelatih PLKN di seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut. Bagi tahun 2012, lebih kurang 100,000 orang pelatih akan mengikut modul berkenaan.

(iv) KPWKM juga telah memperkenalkan pusat Kafe@TEEN mulai bulan November 2005. Pusat ini disasarkan kepada remaja yang berumur antara 13 hingga 24 tahun, bertujuan memberikan maklumat berkaitan isu psikososial, kemahiran hidup, nasihat klinikal, kaunseling keluarga serta konsultasi orientasi seksual (kaunseling perhubungan antara jantina).

Melalui program ini, remaja berpeluang mendapat bimbingan dan nasihat dari doktor dan kaunselor terlatih yang ditempatkan di pusat ini. KPWKM mempunyai enam buah Pusat Remaja Kafe@TEEN iaitu dua di Kuala Lumpur, dua di Pulau Pinang, satu di Negeri Sembilan dan satu di Kelantan. Bagi tempoh bulan November 2005 hingga bulan Disember 2011 seramai 278,556 orang remaja telah didekati melalui 4,886 program / aktiviti pendampingan sosial yang dijalankan.

(v) Kekukuhan institusi keluarga merupakan benteng dan asas kekuatan masyarakat dalam menghadapi isu LGBT. Menyedari hal ini, KPWKM telah memperkenalkan program Ilmu Keluarga@LPPKN bermula pada tahun 2002. Program ini merupakan kursus pembangunan keluarga

untuk meningkatkan kemahiran keibubapaan, persediaan perkahwinan, pemantapan institusi keluarga serta pembangunan remaja dengan menekankan kepada *resilien* remaja dalam mengharungi cabaran. Kursus ini dijalankan setiap bulan di semua negeri. Bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Disember 2011, sejumlah 6,753 kursus telah dijalankan dengan penyertaan 728,675 orang peserta.

- (vi) Kemahiran ibu bapa membahagikan masa antara pekerjaan dan tanggungjawab keluarga amat penting dalam melahirkan suasana keluarga yang harmoni dan sihat. Suasana keluarga yang harmoni mempengaruhi kestabilan emosi anak-anak sehingga mereka terhindar dari sebarang bentuk gejala sosial. Menyedari perkara ini, KPWKM melaksanakan program *Parenting@Work* dikhususkan kepada ibu bapa yang bekerja sama ada di sektor awam atau swasta. Program ini bermula pada tahun 2007 dengan matlamat membantu ibu bapa mengimbangi tanggungjawab kerja dan keluarga. Antara aspek yang diliputi di dalam program ini adalah cara gaya keibubapaan kreatif dan pengurusan konflik agar ibu bapa berupaya mengendalikan anak remaja mereka.

Sejak tahun 2007 hingga bulan April 2012, sejumlah 475 program telah dilaksanakan oleh LPPKN di pejabat Kerajaan, sektor swasta dan NGO, melibatkan penyertaan 20,662 orang ibu bapa.

Selain kerajaan, peranan aktif semua pihak seperti ibu bapa, institusi keagamaan dan pertubuhan bukan kerajaan adalah penting dalam menangani isu LGBT ini.



v^soauvi-j.. 2.^

**MQ.-AUM- t-**

**£i~ NO. AUP:**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [ KUALA NERUS ]
TARIKH	27 JUN 2012
RUJUKAN	4898

### **SOALAN:**

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah warga asing yang terlibat dan ditangkap kerana menyertai perhimpunan haram (demonstrasi jalanan) di Malaysia sehingga kini dan apakah jenis hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah-pesalah warga asing ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah warga asing yang terlibat dan ditangkap kerana menyertai perhimpunan haram (demonstrasi jalanan) di Malaysia sehingga kini ialah empat (4) orang iaitu dari negara - negara seperti Australia, Nepal, Sepanyol dan Myanmar. Walau bagaimanapun, kesemua warga asing tersebut telah dibebaskan selepas dokumentasi mereka diambil.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA                    TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
                                  [SHAH ALAM]

TARIKH                    27JUN 2012

SOALAN:

## SOALAN N0.26

TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pendirian Kerajaan dan SPR terhadap tuntutan membersihkan daftar pemilih.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR sentiasa melaksanakan urusan pembersihan daftar pemilih dari semasa ke semasa, mengikut lunas undang-undang yang dibenarkan dan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia  
1  
(ATM). Di bawah Peraturan 10 dan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, SPR diperuntukkan kuasa untuk menjalankan urusan pembersihan daftar pemilih sepanjang masa, berdasarkan maklumat-maklumat yang dibekalkan oleh pihak berkuasa iaitu JPN, PDRM dan ATM.

Di antara usaha pembersihan dan pengemaskinian daftar pemilih

SOALAN NO.26

yang dilaksanakan oleh SPR adalah seperti yang berikut:

- (i) Memotong rekod pemilih yang disahkan telah meninggal dunia oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- (ii) Memotong rekod pemilih yang telah disahkan melepaskan hak warganegara atau dilucutkan hak warganegaranya;
- (iii) Memotong rekod pemilih awam bagi anggota tentera/polis yang menyertai perkhidmatan tentera/polis dan mendaftar sebagai pengundi tidak hadir/pengundi pos;
- (iv) Memotong rekod pengundi tidak hadir anggota tentera yang telah bersara dari perkhidmatan dan mendaftar sebagai pemilih awam serta pasangan mereka;
- (v) Memotong rekod pengundi pos anggota polis yang telah bersara dari perkhidmatan dan mendaftar sebagai pemilih awam;
- (vi) Membetulkan kawasan pendaftaran pemilih untuk memasukkan pemilih dalam kawasan pendaftaran yang sepatutnya beliau berada; dan
- (vii) Membetulkan maklumat peribadi pemilih seperti pembetulan nombor kad pengenalan, nama, jantina, agama, bangsa dan tarikh lahir berdasarkan maklumat peribadi pemilih dalam

SOALAN NO.26

pangkalan data JPN apabila menerima aduan daripada pemilih yang berkenaan.

SPR sentiasa memastikan semua usaha pengemaskinian dan pembersihan daftar pemilih yang dilaksanakan oleh SPR adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa untuk memastikan daftar pemilih sentiasa kemas kini dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.



**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI ISMAIL BIN ABD. MUTTALIB (MARAN) 27
TARIKH	JUN 2012 (RABU)
SOALAN	DATO' HAJI ISMAIL BIN ABD. MUTTALIB minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian dalam menangani krisis kekurangan padi beras di negara kita.

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Malaysia tidak lagi berdepan dengan masalah atau krisis kekurangan bekalan beras seperti yang berlaku pada tahun 2008. Kerajaan telah menetapkan Tahap Sara Diri (SSL) dalam pengeluaran beras negara berada pada tahap 70% bagi tempoh 10 tahun akan datang dan akan dikaji dari semasa ke semasa. Berdasarkan ketetapan tersebut, negara telah mencapai sasaran yang ditetapkan dengan mencatatkan SSL sebanyak 72.2% bagi tahun 2011.

Walau bagaimanapun, bagi menghadapi sebarang kemungkinan Kerajaan telah menyediakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan bekalan beras dalam negara sentiasa mencukupi. Dari segi perancangan jangka pendek, Kerajaan menyediakan stok penimbal beras yang telah ditetapkan pada tahap 292,000 tan metrik. Stok penimbal tersebut dapat menampung keperluan rakyat selama 45 hari. Namun begitu, jika mengambil kira kedudukan stok semasa, jumlah bekalan beras sedia ada

dianggarkan pada tahap 800 ribu tan metrik yang terdiri daripada stok penimbang, stok dagangan BERNAS, stok pengilang, pemborong dan peruncit dalam satu-satu masa. Keperluan beras ini dijangka dapat bertahan selama 4-5 bulan untuk menampung keperluan negara.

Dari segi perancangan jangka panjang pula, Kerajaan telah mula memantapkan rantaian bekalan padi dan beras yang sekali gus akan meningkatkan pengeluaran padi negara dan dapat mengurangkan pergantungan import beras di masa akan datang. Antara usaha yang dilakukan adalah seperti berikut:

- (a) meningkatkan pengeluaran atau produktiviti bagi kawasan jelapang;
- (b) meningkatkan keupayaan pengairan daripada sekali setahun kepada 2 kali setahun dan daripada 2 kali setahun kepada 5 kali dalam dua tahun;
- (c) menjamin kualiti melalui kaedah pemutuan sebenar;
- (d) mengurangkan kerugian tuaian dan pasca tuaian melalui penggunaan teknologi terkini;
- (e) mewujudkan pengurusan berpusat di MADA, KADA dan semua IADA;
- (f) membangunkan kawasan tanah sawah terbiar melalui program di bawah NKEA (EPP 9) serta penanaman padi berskala besar melalui pengurusan secara berpusat di bawah EPP 10 & 11; dan
- (g) pengenalan varieti-varieti baru yang lebih rintang kepada penyakit dan juga penggunaan varieti hibrid serta benih padi sah.

SOALAN N0.28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA                  PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
                                  [KUANTAN]

TARIKH                  27JUN 2012

SOALAN:

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah SPR tidak mempamerkan pemotongan nama pemilih bagi tempoh suku ketiga 2011 dan suku ke 4 2012. Adakah ianya bermaksud tiada kematian di seluruh negara buat tempoh tersebut.

JAWAPAN:                  YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tempoh pendaftaran Suku Tahun Ketiga Tahun 2011 (Julai 2011 hingga September 2011)

## SOALAN N0.29

SPR mempamerkan senarai nama pemilih yang akan dikeluarkan

1

daripada daftar pemilih berdasarkan peruntukan subperaturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 iaitu nama pemilih yang telah meninggal dunia, nama pemilih yang hilang taraf kewarganegaraannya serta hilang kelayakan atas apa-apa sebab semasa tempoh Pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan bersekali dengan senarai nama pemilih baru dan pemilih yang memohon bertukar alamat pusat mengundi. Perkara ini merupakan satu prosedur pentadbiran yang ditetapkan oleh SPR tanpa sebarang peruntukan undang-undang yang bertujuan memberi kemudahan orang ramai menyemak senarai pemotongan tersebut selain daripada menyemak nama pemilih dan pemilih yang memohon bertukar alamat pusat mengundi.

Walau bagaimanapun, prosedur mempamerkan senarai pemotongan ini telah disalahkan gunakan oleh sesetengah pihak yang menyebabkan banyak kes bantahan difailkan atas alasan pemotongan, sedangkan peruntukan undang-undang hanya membenarkan bantahan difailkan atas kemasukan nama pemohon sendiri atau nama orang lain ke dalam daftar pemilih tambahan.

### SOALAN N0.28

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan urusan pemotongan hanya dibuat ke atas nama pemilih-pemilih yang telah disahkan meninggal dunia SPR melaksanakannya berdasarkan kepada maklumat yang sah daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iaitu pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan mengendalikan urusan ini. SPR memperoleh maklumat kematian warganegara secara berkala daripada JPN untuk membolehkan SPR membuat pemotongan pemilih yang disahkan telah meninggal dunia.

Oleh yang demikian, walaupun tiada senarai pemotongan dipamerkan pada Pameran Rang DPT ST4/2011 dan Rang DPT ST1/2012, ia tidak bermaksud tiada kematian di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR memotong seramai 49,509 pemilih yang disahkan telah meninggal dunia bagi tempoh Oktober2011 hingga Mac 2012.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN]  
TARIKH 27 JUN 2012  
SOALAN

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan khidmat Klinik Desa di Kinabatangan terutamanya di Kampung Lubukan, Kampung Inarad, Kampung Masaum, Kampung Alitang, Kampung Tundun Bohangin, Kampung Sri Ganda dan Kampung Dagat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kesemua tujuh buah kampung berkenaan terletak di kawasan luar bandar yang memang sukar untuk dikunjungi malah hanya boleh dikunjungi melalui laut dan kenderaan pacuan 4 roda sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di kawasan luar bandar ini melalui beberapa pendekatan dan usaha strategik.

Buat masa ini, Kementerian Kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan ke kampung-kampung berkenaan melalui Pasukan Kesihatan Bergerak iaitu Klinik Bergerak Sandakan meliputi Kampung Lubukan, Kampung Tundun Bohangin dan Kampung Sri Ganda menggunakan bot kerana ianya terletak di pesisir pantai dan pulau. Klinik Bergerak Penangah meliputi Kampung Alitang dengan menggunakan kenderaan pacuan 4 roda, sementara Perkhidmatan Doktor Udara yang berpangkalan di Sandakan pula meliputi Kampung Inarad, Kampung Masaum dan Kampung Dagat dengan menggunakan helikopter.

Perkhidmatan kesihatan di bawah Pasukan Kesihatan Bergerak melalui daratan, air dan udara tersebut dijalankan secara berjadual dengan kekerapan sekali dalam sebulan meliputi perkhidmatan rawatan, saringan penyakit, kesihatan ibu dan anak serta perancang keluarga. Walaupun lawatan ini mendapat sambutan yang sangat baik dengan kehadiran melebihi 100 orang setiap kali lawatan.

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah melalui Pejabat Kesihatan Kawasan Kinabatangan sedang dalam perancangan meluaskan perkhidmatan kesihatan melalui Pelan Transformasi Kesihatan dengan membina klinik kesihatan di kampung yang mempunyai sekolah (Konsep 1 Sekolah 1 Klinik) mengikut kepada kesesuaian tapak. Pelan Transformasi Kesihatan ini dicadangkan bagi pembinaan 30 buah Klinik Kesihatan (Jenis 7) di kawasan Kinabatangan secara berperingkat sehingga tahun 2020; iaitu 18 buah di Daerah Kinabatangan dan 12 buah di Daerah Tongod.

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah juga pernah menghantar

permohonan bagi Kawasan Kinabatangan di bawah Projek Transformasi Luarbandar 2012 tetapi tidak diluluskan kerana peruntukan yang terhad.

Kementerian Kesihatan sentiasa memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada masyarakat. Dua buah Klinik Desa sedia ada telah dinaiktaraf kepada Klinik Kesihatan pada tahun ini yang telah pun beroperasi iaitu Klinik Kesihatan Batu Putih dan Klinik Kesihatan Minusoh. Penempatan Penolong Pegawai Perubatan yang dibantu oleh Jururawat menyediakan perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar dan kes- kes kecemasan dilihat dapat membantu rakyat dalam mempertingkatkan taraf kesihatan mereka. Pegawai Perubatan juga telah ditempatkan di Klinik Kesihatan Penangah, Klinik Kesihatan Bukit Garam dan Klinik Kesihatan Kuamut bermula bulan Jun 2012 ini bagi membolehkan penduduk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA                    TUAN KARPAL SINGH

TARIKH                    27 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggantikan Majlis Peguam dengan akademi undang-undang. Jika ya, nyatakan sebab-sebabnya

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Akademi yang dicadangkan ini tidak akan menyentuh perjalanan badan-badan lain seperti Majlis Peguam yang keanggotaannya terhad kepada peguam bela dan peguam cara di Semenanjung Malaysia,mahupun Persatuan Pegawai Kehakiman dan Perundangan, Persatuan Undang-

Undang Sabah atau Persatuan Peguam Bela Sarawak.

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia adalah mengambil kira keperluan mewujudkan sebuah badan yang boleh mewakili anggota profession undang-undang secara lebih menyeluruh termasuk dari kalangan anggota kehakiman, ahli akademik, pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara, bekas hakim, penasihat undang-undang syarikat-syarikat swasta dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]  
TARIKH 27 JUN 2012 (RABU)

#### SOALAN

YB Dato<sup>1</sup> Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah anak-anak gelandangan yang terdapat di seluruh negara mengikut pecahan negeri, apakah usaha membantu mereka termasuk dalam soal pendidikan misalnya dan bagaimana Kerajaan

JAWAPAN:

menanganinya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin akan isu golongan gelandangan. Dalam hal ini, golongan gelandangan yang diselamatkan oleh JKM, termasuk anak-anak mereka akan dibantu dari aspek kebajikan, dokumentasi dan pendidikan.

Berasaskan statistik bagi tempoh 4 tahun kebelakangan, bilangan anak-anak gelandangan yang diselamatkan di seluruh negara adalah tidak besar, iaitu seramai 40 orang pada tahun 2008, 48 orang pada tahun 2009, 23 orang pada tahun 2010 dan 43 orang pada tahun 2011.

Bagi tahun 2010, bilangan anak golongan gelandangan yang ramai diselamatkan oleh JKM ialah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor iaitu masing-masing seramai 10 dan 9 orang. Manakala pada tahun 2011 pula, negeri Sabah mencatatkan bilangan yang paling tinggi

## JAWAPAN:

iaitu seramai 27 orang. Daripada statistik JKM, tiada negeri tertentu yang mempunyai masalah yang serius berhubung isu anak gelandangan dan didapati juga tiada trend meningkat yang serius berkenaan isu ini.

Memandangkan data anak-anak gelandangan mengikut negeri adalah agak panjang, maka pecahan terperinci mengenainya akan dikemukakan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua,

JKM bertanggungjawab menyelamatkan kanak-kanak yang berada bersama dengan ibu bapa atau penjaga yang dikategorikan sebagai gelandangan. Antara usaha yang diambil oleh JKM bagi membantu anak-anak gelandangan yang diselamatkan ini ialah:

- a) menguruskan dokumen pengenalan diri bagi kanak-kanak yang tiada dokumen atau tidak didaftarkan kelahirannya sebelum ini;

- b) memberi tempat perlindungan dengan menempatkan mereka di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- c) menguruskan soal pendidikan kanak-kanak terutama bagi mereka yang berusia di bawah 12 tahun di mana persekolahan peringkat rendah merupakan sesuatu yang wajib bagi warganegara Malaysia selaras dengan Akta Pendidikan (Pindaan 2002).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN GWO-BURNE LOH [ KELANA JAYA ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN                    4895**

**SOALAN:**

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang telah diambil hasil atas kenyataan Tan Sri Mahmood Bin Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, mengumumkan untuk menerbitkan kad pengenalan untuk pelarian yang diluluskan oleh UNHCR pada Februari 2010 yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia bukan signatory kepada *1951 Convention relating to the Status of Refugees*, Ini bermaksud bahawa Malaysia tidak mengiktiraf pelarian-pelarian yang berada di Malaysia. Keberadaan golongan pelarian di Malaysia adalah atas faktor kemanusiaan (*humanitarian ground*) dan sekiranya ditangkap oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Imigresen akan merujuk kepada pihak *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) untuk mengesahkan kesahihan kad UNHCR.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

NO SOALAN : 20

DARIPADA DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH 27 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan pelajar yang mengikuti Program Pendidikan PERMATA Pintar Negara yang berjaya mendapatkan tempat di universiti tersohor seperti Johns Hopkins University, Brown University, Cambridge University, Oxford University, University of Michigan dan University of Wisconsin.

JAWAPAN

Y.B. DATO\* SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL

AZIZ

Tuan Yang di-Pertua,

Program PERMATApintar telah dimulakan pada tahun 2009 dengan objektif mengenai pasti pelajar pintar, cerdas dan berbakat (PCB) seawal mungkin supaya potensi dan kebolehan mereka dapat dibangunkan secara optimum. Kumpulan sasarnya adalah pelajar yang berumur 9 hingga 15 tahun dan mereka akan ditempatkan di Kompleks PERMATApintar Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Aktiviti untuk mengenalpasti pelajar PCB ini adalah melalui ujian saringan UKM1 dan UKM 2 yang dilaksanakan secara *online*. Seterusnya, selepas melepas ujian-ujian saringan tersebut, mereka akan menghadiri Program Perkhemahan Cuti Sekolah merupakan program pengkayaan (*enrichment*) selama 3 minggu yang mendedahkan pelajar-pelajar kepada proses pembelajaran di luar kurikulum sedia ada.

Program Pendidikan PERMATApintar Negara merupakan satu program sepenuh masa yang dijalankan selama dua tahun. Program ini telah mengambil pelajar dalam dua kohort iaitu kohort pertama seramai 113 orang dan kohort ke dua seramai 125 orang pelajar. Program berbentuk asrama penuh menyediakan beberapa laluan pembelajaran kepada pelajar-pelajar lepasan PMR. Antara laluan pembelajaran adalah dengan memberikan peluang kepada pelajar bukan sahaja untuk mempelajari matapelajaran yang berasaskan kurikulum kebangsaan, tetapi mereka juga diberi peluang untuk mengambil beberapa peperiksaan antarabangsa iaitu "*Standard Aptitude Test*" (SAT 1), SAT "*Subject Tests*" (Biologi, Kimia, Fizik dan Kalkulus) serta ujian Bahasa Inggeris (TOEFL). Jika lulus, mereka seterusnya akan

NO SOALAN : 32

mengambil peperiksaan Bahasa Malaysia dan memohon tempat pengajian di universiti tersohor di dunia seperti Brown University, UCLA, Johns Hopkins University, University of Michigan dan sebagainya pada umur 16 tahun. Sehingga kini seramai 8 orang pelajar PERMATApintar telah berjaya mendapatkan tempat di universiti-universiti tersohor ini. Mereka akan mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang Sains dan Matematik tulen di bawah penyeliaan profesor yang tersohor dalam bidang tersebut. Jadual 1 menunjukkan bilangan pelajar yang telah mendapat tawaran belajar di universiti di luar negara.

BIL	NAMA PELAJAR	TAWARAN UNIVERSITI	BIDANG PENGAJIAN
1	AMIRUL FITRI BIN ZAINOL	John Hopkins University	MATEMATIK
2	LEE YAN JOE	Brown University	BIOLOGI
3	VISHAL KALYANI A/P MUKUDAN	Universiti of California Los Angeles (UCLA)	BIOLOGI
4	KONG YEK CHING	Universiti of California Los Angeles (UCLA)	BIOLOGI
5	KUHAN A/L MANIAM	Universiti of California Los Angeles (UCLA)	FIZIK
6	NUR SYAZANA NATSHA BINTI HISHAM	University Of California Davis	KIMIA
7	KEVINRAJ NAGGAN A/L SUKUMAR	University Of Wisconsin	FIZIK
8	KHOO JIA HUI	University Of Wisconsin	BIOLOGI
9	NOR QHADIJAH ROHAYATI	Sedang memohon di beberapa Universiti di UK, US, Canada dan Eropah	BIOLOGI
10	NUR ELENA MAT NAYAN		BIOLOGI
11	ELENA BINTI ZAFRUL		MATEMATIK
12	CHAN JIA HUEI		FIZIK
13	TIMOTHY HO ZHEN WEI		BIOLOGI
14	G. ASHWIN A/L A. GANESH		FIZIK
15	QRYSTAL BINTI ISKANDAR		MATEMATIK

Jadual 1: Bilangan pelajar yang telah mendapat tawaran belajar di universiti luar negara.

Laluan kedua ialah laluan SPM dan untuk pilihan ini pelajar-pelajar perlu mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sepenuhnya. Walau bagaimanapun, mereka diberi juga dua kursus Matematik (Algabar dan Kalkulus) tahun 1 peringkat universiti yang ditawarkan oleh Fakulti Sains dan

NO SOALAN : 32

Teknologi, UKM. Pada masa yang sama, mereka juga diajar dua bahasa antarabangsa iaitu Bahasa Jepun dan Bahasa Perancis yang juga merupakan kursus elektif bagi pelajar di UKM. Kursus-kursus tersebut boleh dipindah kredit ke UKM jika pelajar-pelajar ini seterusnya ingin melanjutkan pengajian di UKM di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Walaupun pelajar-pelajar PERMATA pintar ini masih boleh dianggap sebagai pelajar sekolah iaitu Tingkatan 4 dan 5 namun mereka mempunyai kekuatan minda yang baik dan di aras yang lebih tinggi dari umur sebenar mereka. Justeru, penawaran kursus yang sedemikian membolehkan pelajar-pelajar ini menolak potensi diri mereka ke aras yang lebih tinggi. Laluan ketiga memberikan ruang dan peluang untuk pelajar-pelajar mengambil "0 lever. Namun buat masa ini laluan ketiga ini masih di peringkat cadangan sahaja lagi.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KEDUA  
BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD  
SADIQUE (TENGGARA)**

**TARIKH : 27.6.2012 (RABU)**

**SOALAN :**

Minta MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH menyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan mutu hidup rakyat luar bandar termasuk kemudahan prasarana dan kemudahan rumah yang lebih selesa untuk penduduk luar bandar serta nyatakan jumlah rumah baru dan rumah dibaik pulih yang telah dilaksanakan melalui Program Bantuan Rumah (PBR) semenjak pelaksanaan NKRA 2010 lalu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Adalah menjadi hasrat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) agar masyarakat luar bandar menikmati kualiti hidup setanding dengan arus globalisasi negara. Justeru itu, pada pembentangan bajet tahun 2012, Program Transformasi Luar Bandar (RTP) diletakkan sebagai fokus ketiga negara yang menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam meningkatkan mutu hidup penduduk di

**Jawapan :**

kawasan luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, RTP bertujuan untuk mentransformasikan kawasan luar bandar supaya mampu menarik minat pelabur swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat di kampung-kampung. Terdapat lima (5) program utama yang dilaksanakan di bawah RTP seperti berikut:

- (i) Program Pembangunan Luar Bandar secara menyeluruh melibatkan usaha mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC);
- (ii) Program Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI);
- (iii) Program Perkhidmatan Perbankan Luar Bandar;
- (iv) Program Memperkuuh Perkhidmatan Bas di Luar Bandar; dan
- (v) Program Pembangunan dan Kebajikan Orang Asli.

Di bawah *Government Transformation Programme (GTP)* Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), KKLW telah dipertanggungjawabkan bagi menerajui pembangunan infrastruktur asas luar bandar bagi meningkatkan mutu hidup penduduk di kawasan luar bandar. Pencapaian program-program pembangunan infrastruktur asas luar bandar di seluruh Malaysia bagi tempoh 2010 sehingga 31 Mei 2012 adalah seperti berikut:

- i) Membina dan menaik taraf sepanjang 2,333.59km jalan perhubungan luar bandar bagi menghubungkan penduduk kepada pusat-pusat sosial dan ekonomi melalui Program Jalan Luar Bandar (JALB);
- ii) Menyalurkan air bersih atau terawat kepada 150,247 buah rumah di kawasan luar bandar

- melalui Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB);
- iii) Membekalkan tenaga elektrik 24 jam kepada 62,603 buah rumah melalui Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB); dan
- iv) Membina dan membaik pulih sebanyak 34,398 buah rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar melalui Program Bantuan Rumah (PBR).

**Soalan No. :**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATUK HAJI MOHAMAD  
BIN HAJI AZIZ  
(SRI GADING)**

**TARIKH : 27.06.2012 (RABU)**

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah usaha berterusan yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam 'membandarkan luar bandar' terutama perkara yang berkaitan dengan keperluan asas.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan luar bandar mendapat akses kemudahan dan perkhidmatan setaraf dengan bandar. Justeru itu, Kementerian mengambil pendekatan bersepadu dalam memohon projek-projek di bawah RMKe-10 di mana bagi penyediaan infrastruktur luar bandar, pembinaan jalan, bekalan air, bekalan elektrik dan kemudahan ameniti sosial masih diberi keutamaan.

Selain memastikan supaya kawasan luar bandar menjadi kawasan yang menarik untuk didiami dan masyarakatnya dapat menjana pendapatan yang tinggi, usaha juga dilakukan untuk mewujudkan dan menggalakkan aktiviti ekonomi setempat. Usaha ini jelas dapat dilihat di mana di bawah Bajet 2012, Kerajaan telah memberikan penekanan khusus kepada Program Transformasi Luar Bandar atau RTP. Melalui RTP,  
kawasan luar bandar ditransformasikan supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan<sup>2</sup> generasi muda kembali berkhidmat.

Antara langkah yang telah digariskan di bawah Bajet 2012 adalah:

- (i) Mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar atau RTC sebagai pusat integrasi perkhidmatan meliputi pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pengeluaran pertanian; perbankan dan insurans; khidmat nasihat perniagaan; latihan dan kemahiran; klinik serta ruang niaga. Sehingga kini, dua buah RTC iaitu RTC Perak dan RTC Kelantan telah dimajukan sebagai projek perintis RTC;
- (ii) Mewujudkan Dana Perkhidmatan Profesional bagi golongan profesional seperti peguam, doktor dan akauntan untuk membuka firma di pekan kecil;
- (iii) Meningkatkan akses perkhidmatan perbankan kepada penduduk luar bandar melalui pelantikan agen-agen BSN di kawasan luar bandar di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatannya; dan
- (iv) Menyediakan pinjaman mudah kepada pengusaha bas henti-henti, bas mini dan bas sekolah luar bandar bagi menyediakan kemudahan pengangkutan yang lebih selesa, boleh dipercaya dan berkualiti.

Pelaksanaan RTP ini adalah selaras dengan program- program yang telah ditetapkan di peringkat nasional ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 dan sekali gus memberi peluang kepada masyarakat luar bandar untuk mendapat akses kemudahan dan infrastruktur setaraf bandar.



SOALAN NO: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN DARIPADA: Y.B. TUAN

SIM TONG HIM

TARIKH: 27JUN2012

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan semua aspek dan kesan-kesan yang akan dihadapi oleh sektor perindustrian dan perkhidmatan swasta selepas pelaksanaan gaji minimum oleh kerajaan:-

- (a) Nyatakan usaha-usaha Kementerian untuk menyelaraskan kesemua kesan-kesan yang akan timbul; dan
- (b) jangka masa skim gaji minimum dapat diterima oleh majikan dan “Market Force”.

PR-1252-L49273

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,



yang signifikan kepada operasi syarikat, guna tenaga dan kemasukan pelaburan langsung asing. Pada masa yang sama, gaji minimum dijangka akan mengurangkan permintaan terhadap pekerja asing.

2. Berhubung dengan nilai keseluruhan peningkatan dalam pembayaran gaji, berasaskan kepada kajian oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara, jika gaji minimum ditetapkan pada kadar RM900 sebulan ia akan menyebabkan peningkatan langsung pembayaran gaji sebanyak 9.5% dan hanya akan meningkatkan kos pengeluaran keseluruhan sebanyak satu hingga lima peratus (1% - 5%) sebulan.

3. Walau bagaimanapun bagi sektor perkhidmatan tertentu yang berasaskan kontrak seperti sektor kawalan keselamatan dan sektor penyelengaraan, mereka mungkin menghadapi masalah pelaksanaan pada peringkat permulaan. Ini kerana kebanyakan perkhidmatan yang berasaskan kontrak itu mempunyai perjanjian kontrak antara 1 hingga 3 tahun. Pembayaran gaji bagi pekerja di sektor tersebut adalah bergantung kepada nilai kontrak. Satu Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Gaji Minimum telah ditubuhkan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara bagi memudah cara pelaksanaan gaji minimum di mana Jawatankuasa ini akan menangani isu-isu pelaksanaan dan pemantauan yang timbul dan seterusnya merangka mekanisme penyelesaian terbaik.

iiO -SoAt AfJ ' NOrAUM : 34

-NO. AUP-4-.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]  
TARIKH 27 JUN 2012  
RUJUKAN 4899

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk mengumumkan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGPSO) supaya ia boleh ditambahbaikan dan memperincikan penambahbaikan yang telah dijalankan sejak Laporan Suruhanjaya Diraja Dzaiddin diumumkan pada Mei 2005.



## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PTKPN (Perintah Tetap Ketua Polis Negara) atau IGSO (Inspector General Standing Order) diwujudkan melalui kuasa yang diberikan di bawah Seksyen. 97, Akta Polis 1967, dimana Ketua Polis Negara boleh mengeluarkan perintah-perintah pentadbiran yang dipanggil "Perintah Tetap", yang tidak bertentangan dengan peruntukan- peruntukan Akta itu atau mana-mana kaedah atau mana-mana atau peraturan-peraturan Polis yang dibuat di bawahnya bagi kawalan, arahan dan maklumat am Pasukan dan semua badan lain yang ditubuh atau didirikan untuk tugas-tugas polis di bawah peruntukan Akta itu.

Semua dokuman PTKPN adalah diklasifikasikan sebagai dokumen "TERHAD" dimana ianya mengandungi arahan-arahan, peraturan-peraturan dan SOP pelaksanaan tugas yang mencakupi semua penugasan Polis atau badan lain yang ditubuh atau didirikan untuk tugas-tugas polis di bawah peruntukan Akta ini. Sehubungan dengan itu, PTKPN tidak boleh didedahkan kepada awam bagi memastikan segala pelaksanaan tugas Polis melainkan mendapat kebenaran dari Ketua Polis Negara.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB GHANI

TARIKH 27 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- (a) berapa peratuskah pengurangan individu yang muflis hasil daripada peningkatan had muflis dari RM30 ribu kepada RM50 ribu; dan
- (b) apakah tatacara dan hasrat Kerajaan untuk menarik balik mereka yang telah diisyiharkan muflis pada had RM30 ribu.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan *threshold* kebankrapan daripada RM 30,000.00 kepada RM 50,000.00 masih di peringkat cadangan dan belum dikuatkuasakan.

Jawapan untuk (a)

Jawapan untuk (b)

Kerajaan tidak berhasrat untuk menarik balik kes kebankrapan yang melibatkan golongan yang telah diisyiharkan muflis pada kadar RM30,000.00.

Ini kerana Perintah Penerimaan dan Perintah Penghakiman yang dibuat terhadap golongan tersebut merupakan satu perintah yang sah di bawah peruntukan undang-undang semasa perintah-perintah tersebut diisyiharkan. Sehubungan itu, urusan pentadbiran kes bagi golongan yang diisyiharkan bankrap pada kadar *threshold* RM30,000, akan terus ditadbir seperti biasa. Bagaimanapun, peruntukkan yang sedia ada iaitu Pelepasan Melalui Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) di bawah Seksyen 33A dan juga Pelepasan Melalui Perintah Mahkamah di bawah Seksyen 33 Akta 360 telah memperuntukkan suatu mekanisma yang mencukupi untuk seseorang bankrap diberi pelepasan dalam tempoh yang singkat sekiranya beliau merupakan seorang bankrap yang jujur dan memberi kerjasama yang baik kepada KPI dalam pentadbiran kes kebankrapannya.



## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

TARIKH

27 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

N0.39

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah permohonan dan kelulusan PTPTN serta nilainya bagi setiap tahun dalam tempoh sejak 1998 hingga 2012.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2012, PTPTN telah meluluskan pinjaman/ pembiayaan pendidikan kepada 1.97 juta peminjam/penerima biaya yang melibatkan peruntukan berjumlah RM44.01 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM30.27 bilion telah dikeluarkan dan bakinya akan dikeluarkan secara berperingkat sehingga pelajar menamatkan pengajian.

Bagi tempoh 2009 hingga 2011, sebanyak 659,110 permohonan pembiayaan telah diluluskan melibatkan peruntukan RM16.67 billion sehingga pelajar tamat pengajian. Manakala dalam tempoh yang sama



sebanyak 28,092 permohonan pembiayaan PTPTN telah ditolak dan di antara sebab penolakan adalah seperti berikut:

- i. Pelajar tidak memenuhi syarat asas yang ditetapkan seperti SPM pelajar kurang daripada 3 kredit;
- ii. Pelajar mempunyai hutang terdahulu disebabkan gagal/berhenti/batal pengajian;
- iii. Pelajar membuat pinjaman/pembiayaan kali kedua bagi peringkat pengajian yang sama;
- iv. Status pinjaman/pembiayaan masih aktif di sistem PTPTN kerana pelajar tidak mengemasikini status terkini pelajar;
- v. Tarikh sahlaku premis/ kursus/ MQA telah tamat atau tidak aktif;
- vi. Bukan warganegara Malaysia;
- vii. Melebihi umur 45 tahun ketika membuat permohonan pinjaman/pembiayaan; dan
- viii. Tempoh pengajian kurang daripada satu tahun.



SOALAN NO: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD NIZAR BIN  
ZAKARIA [ PARIT ]

TARIKH

27 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

Tuan Mohd Nizar bñ Zakaria [ Parit ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan kualiti sarikata Bahasa Melayu yang lemah telah digunakan dalam saluran ASTRO dan apakah tindakan lanjut yang boleh diambil oleh Kementerian dalam hal ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa menyokong dan menggalakkan peningkatan kualiti penggunaan Bahasa Melayu di stesen-stesen penyiaran swasta. Sejak dari tahun 2009 sehingga kini, beberapa bengkel latihan dan seminar telah dianjurkan oleh Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kepada industri penyiaran seperti pihak produser, penyampai radio dan televisyen, penerbit dan



## **SOALAN NO: 40**

sebagainya bagi membantu memastikan penggunaan Bahasa Melayu termasuklah sarikata agar terus terpelihara.

Di samping itu, Kementerian melalui Institut Penerangan dan Penyiaran Tun Abdul Razak (IPPTAR) dengan DBP dan industri penyiaran turut bekerjasama dalam menyediakan Garis Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Media Penyiaran. Garis Panduan ini akan menjadi rujukan kepada industri penyiaran dalam penggunaan bahasa kebangsaan yang betul.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL HAJI MOHAMED SAID

TARIKH 27 JUN 2012

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula syarat kelayakan dan jumlah Peruntukan Bantuan Pelajaran kepada anak-anak pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas secara rasmi di luar Negara.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Peruntukan Bantuan Pelajaran yang disediakan untuk pegawai yang berkhidmat dalam sektor luar negeri sejak 1994. ~~BERAKAT~~  
pembentukan pemberian yuran pelajaran di peringkat sekolah rendah di luar negeri sebanyak 100% manakala 50% bagi peringkat sekolah menengah. ~~PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~  
~~Pada tahun 2001, kadar pembentukan yuran pelajaran bagi peringkat sekolah menengah telah ditambah baik daripada 50% kepada 85% dan pada tahun 2008 kepada 95%.~~

Kerajaan turut membiayai bayaran-bayaran yang diwajibkan oleh pihak sekolah seperti berikut:

- (a) yuran peperiksaan utama;
- (b) buku teks dan buku kerja/ aktiviti mengikut kurikulum akademik yang ditetapkan;
- (c) pemeriksaan kesihatan sekiranya ia adalah syarat kemasukan ke sekolah;
- (d) yuran kelas tambahan bagi tujuan penyesuaian/ peralihan sistem pembelajaran/ kemasukan ke gred yang setara dengan gred sebelum itu;
- (e) 95% daripada yuran khas bagi pembelajaran anak-anak pegawai yang mempunyai masalah kurang upaya mental seperti

*autisme* dan *dyslexia* untuk mengikuti sistem pembelajaran biasa di penempatan yang tiada kemudahan pembelajaran khas; dan

(f) yuran untuk mengikuti projek/ aktiviti sekolah yang diwajibkan bagi memenuhi kurikulum akademik yang ditetapkan terhad di dalam negara berkenaan sahaja.

Kerajaan dari semasa ke semasa melaksanakan penambahbaikan kepada kemudahan pegawai Perkhidmatan Awam berdasarkan keperluan dan kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN TENG BOON SOON

TARIKH 27 JUN 2012 (RABU)

SOALAN NO. 42

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan IPTS termasuk kolej dan kolej universiti yang menyediakan kursus peringkat diploma dan ijazah di negara kita. Berapakah jumlah bilangan pelajar di setiap peringkat pelajaran tersebut dan bagaimanakah Kementerian memantau dan memastikan jenis serta mutu latihan yang dibekalkan memenuhi keperluan menyeluruh pembangunan negara.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data yang diperolehi, pada tahun 2011, IPTS yang menawarkan program pengajian peringkat diploma terdiri daripada 21 buah bertaraf universiti, 14 buah bertaraf kolej universiti, sebuah universiti bertaraf kampus cawangan universiti luar negara dan 259 buah bertaraf kolej. Manakala IPTS yang menawarkan program pengajian peringkat ijazah pula adalah sebanyak 25 buah bertaraf universiti, 8 buah bertaraf kolej universiti, sebuah universiti bertaraf kampus cawangan universiti luar negara dan 10 buah bertaraf kolej.

Pada tahun 2011, seramai 171,197 orang pelajar IPTS mengikuti program pengajian peringkat diploma dan seramai 14,317 orang pelajar di peringkat ijazah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memastikan jenis dan mutu latihan yang dibekalkan oleh IPTS memenuhi keperluan menyeluruh pembangunan negara adalah seperti berikut:

- i. menilai kualiti pensyarah dari aspek pembelajaran dan pengajaran dengan memastikan tahap akademik pensyarah adalah lebih tinggi daripada tahap pengajian tinggi yang hendak diajar. Menerbitkan Buku Modul Asas Pembelajaran & Pengajaran sebagai rujukan kepada para pensyarah IPTS untuk mempertingkatkan kualiti pensyarah;
- ii. memastikan kursus-kursus yang ditawarkan di IPTS adalah berkualiti dan diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- iii. menetapkan syarat kelayakan masuk minimum kepada pelajar untuk mengikuti program pengajian di IPTS bagi memastikan hanya pelajar yang layak mengikuti pengajian; dan
- iv. membangunkan instrumen-instrumen penarafan seperti Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) untuk Universiti dan Kolej Universiti awam dan swasta dan Sistem Pengukuran Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST) untuk kolej swasta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [ JASIN ]

TARIKH : 27JUN2012

SOALAN

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- a) perancangan Khazanah dan PNB untuk melupuskan pegangan mereka ke atas beberapa syarikat yang bukan teras untuk diambil alih oleh syarikat Bumiputera; dan
- b) adakah Kementerian yakin langkah ini berpotensi meningkatkan pemilikan ekuiti di kalangan pelabur Bumiputera.

JAWAPAN:

- a) Untuk menyelaras dan memperkemaskan peranan Kerajaan dalam perniagaan, Kerajaan mengusulkan agar anak-anak syarikat bukan teras milik Khazanah dan PNB dilupuskan untuk ditadbir dan diserah milik kepada syarikat Bumiputera yang berkelayakan menerusi proses tender terbuka. Cadangan pelupusan ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan dalam menggalakkan keusahawanan serta meningkatkan pegangan ekuiti korporat di kalangan usahawan Bumiputera yang berkelayakan. Setakat ini, dua buah anak syarikat di bawah Khazanah dan PNB yang akan dilupuskan telahpun diiklankan dan pengumuman susulan syarikat-syarikat lain yang telah dikenalpasti akan dibuat dalam masa terdekat secara berperingkat, di mana pihak yang berminat dan menepati kriteria kelayakan digalakkan untuk mengemukakan bidaan.
- b) Inisiatif pelupusan ini sejajar dengan usaha dalam menerajui transformasi dan penyertaan Bumiputera di dalam ekonomi dengan menggalakkan pembangunan usahawan-usahawan Bumiputera. Proses pemilihan adalah dijalankan secara telus

dan dilaksanakan melalui tender terbuka yang bertujuan memacu dalam usaha meningkatkan penyertaan golongan Bumiputera dalam bidang keusahawanan. Dalam proses penilaian dan pemilihan pembida, Kerajaan akan mengambil kira beberapa perkara berdasarkan kriteria dan garispanduan yang telah diselaraskan bagi memastikan penyertaan Bumiputera yang kompetitif, berdaya maju, serta mampu bersaing di pasaran tempatan mahupun di luar. Penilaian teknikal akan menumpukan kepada kemampuan syarikat untuk mengembangkan perniagaan, menyumbang kepada Pendapatan Kasar Negara (GNI), penjanaan guna tenaga, dan manfaat ekonomi kepada Bumiputera. Penekanan juga akan diberikan kepada pembida yang mempunyai keupayaan dan pelan perniagaan yang jelas tentang cara untuk mentransformasikan dan mengembangkan syarikat tersebut.

NO.SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA                  TUAN TAN TEE BENG

TARIKH                  27 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bolehkah Kementerian menjangka sebarang akibat buruk di masa hadapan bila mana tangga gaji penjawat awam diselaraskan kepada RM900 paling minimum.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

NO SOALAN : 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaksanaan Gaji Minimum tidak mendatangkan kesan negatif terhadap penjawat awam kerana sebagaimana diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, pelaksanaan Gaji Minimum adalah untuk sektor swasta. Penjawat awam telah pun menerima gaji melebihi RM900 dengan diambil kira Imbuhan Tetap.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH 27 JUN 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status jawatan Pengerusi FELDA sama ada bertaraf tetap atau kontrak. Sekiranya kontrak, apakah tempoh kontrak tersebut.

JAWAPAN DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Pengerusi FELDA adalah di bawah Seksyen 15(2) (a), *Land Development Act 1956 (Revised 1991)*. Pelantikan Pengerusi FELDA dilulus dan diperakukan oleh Menteri yang bertanggungjawab terhadap FELDA. Tempoh pelantikan ini adalah untuk tiga (3) tahun dan boleh disambung oleh Yang Berhormat Menteri.

Jawatan Pengerusi FELDA ditakrifkan sebagai kontrak kerana ia bukan sebagai penjawat awam.



Soalan No : 46

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT**

**PERTANYAAN**                           **LISAN**

**DARIPADA**                           **Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI  
[ BATANG SADONG ]**

**TARIKH**                           **27 JUN 2012**

**SOALAN:**

Y.B. Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan bagaimanakah cara Kementerian mengenalpasti peruntukan untuk penambahbaikan dan pembinaan sekolah baru dibuat untuk setiap tahun

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar pembinaan sesebuah sekolah, anggaran kos yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi cadangan pembinaan sesebuah sekolah baru adalah merangkumi kos bangunan, perabot dan juga kerja infra yang melibatkan kawasan sekolah. Antara faktor khusus dalam mengenal pasti penambahbaikan dan pembinaan sekolah baru ialah;

- i. Kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan jalan masuk ke kawasan sekolah.
- ii. Kepadatan penduduk di sesebuah kawasan
- iii. Sekolah berhampiran dan enrolmen murid di sekolah tersebut
- iv. Kesediaan, keadaan dan status tapak.

**Keperluan mendesak berdasarkan pemantauan dan laporan daripada  
Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah.**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN  
DARIPADA DATO SERI HAJI AZMI BIN KHALID  
KAWASAN PADANGBESAR  
TARIKH NO. 27.6.2012  
SOALAN 47

YB. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan Kementerian mempunyai dana untuk membantu usahawan-usahawan SME untuk membantu usahawan-usahawan menyertai ekspo-ekspos dan pameran di luar Negara bagi tujuan menembusi pasaran, soalnya adakah MITI juga sanggup membantu usahawan-usahawan Malaysia yang mula bertapak dalam sektor *knowledge-based research services*, iaitu sektor yang mempunyai nilai tambah dan *technical skills* yang tinggi.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyediakan pelbagai insentif dalam bentuk fiskal dan bukan fiskal bagi menqbalakkan pelaburan domestik dalam aktiviti yang mempunyai bidang nilai tambah dan kemahiran teknikal yang tinggi termasuk dalam sektor 'knowledge-based research services, dengan izin. Insentif yang diberikan adalah dalam bentuk Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan. Selain itu, Kerajaan juga menawarkan Skim Galakan Istimewa atau prepackaged incentive, dengan izin, yang ditawarkan untuk proiek-proiek yang disasarkan seperti projek berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, berdasarkan pengetahuan dan mempunyai nilai rantai yang meluas.

Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan pelbagai program pembangunan dan bantuan kewangan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah kepada usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk meningkatkan dava saing dan produktiviti supaya mereka dapat menceburi bidang bukan tradisional yang mempunyai nilai tambah dan kemahiran yang tinggi seperti sektor "knowledge-based research services" dengan izin.

Antara inisiatif yang disediakan kepada usahawan baru adalah melalui Pusat Ruiukan Setempat (*One Referral Centre* -ORCJ di Ibu Pejabat SME Corp. yang menyediakan perkhidmatan seperti

khidmat nasihat perniaqaan oleh '*Business Counselors*<sup>3</sup>' dengan izin.

SME Corp. juga menyediakan Program Peningkatan Kemahiran PKS yang menawarkan latihan berbentuk teknikal dan secara praktikal kepada pekerja syarikat PKS untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran termasuk kursus soft skills dengan izin, seperti pengurusan kewangan dan perniaqaan, pemasaran, penjenamaan. dan teknologi maklumat.

Sebagai inisiatif memperkasakan pertumbuhan PKS yang berinovasi termasuk dalam sektor knowledge-based research services dengan izin, Kerajaan telah memperkenal Dasar Laluan Hiiau. Dasar tersebut merupakan pengiktirafan ke atas PKS yang berinovatif dan berpotensi tinggi di mana PKS yang berjaya diletakkan di bawah dasar tersebut berpeluang memperoleh pelbagai faedah seperti rebat 2% kepada kadar faedah ke atas pinjaman yang diluluskan oleh institusi kewangan yang dilantik iaitu, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, SME Bank dan EXIM Bank serta keutamaan dalam urusan perolehan di bawah svarikat-svarikat milik Kerajaan serta program off-set Kerajaan.

Di samping itu, Kerajaan juga memperkenalkan Anugerah Inovasi PKS pada setiap tahun sebagai penqhargaan dan penqiktirafan

kepada PKS yang berinovatif, di mana PKS yang dinobatkan sebagai PKS Paling Berinovasi akan dihadiahkan RM1 iuta.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa menggalakkan dan menvokong usahawan-usahawan Malaysia dalam bidang-bidang baru yang mempunyai nilai tambah dan berpotensi tinggi kerana ia menepati matlamat ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Usahawan- usahawan ini diberi khidmat nasihat dan bimbingan oleh agensi- agensi kerajaan yang berkenaan untuk memastikan perniagaan mereka berdava saing dan berdava tahan.



NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA	PE RTA NY AA	LISAN
TARIKH	N	TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR]
RUJUKAN	27 JUN 2012	4900

**SOALAN:**

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah ibu pejabat polis Klang Utara yang kini menduduki premis kedai sewa akan dinaik taraf ke premis sendiri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, buat masa kini pihak PDRM sedang dalam proses mengenalpasti tapak yang sesuai untuk di dirikan sebuah Ibupejabat Polis Derah Klang Utara.



SOALAN NO : 49

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]  
TARIKH SOALAN : 27 JUN 2012 (RABU)  
: Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kerugian yang dialami oleh pengusaha-pengusaha burung walit akibat larangan pengimportan oleh Negara China dan berapakah jumlah hasil burung walit yang diseludup masuk ke Negara China setiap tahun.

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Pada bulan Jun 2011, Republik Rakyat China (RRC) telah tidak membenarkan pengimportan sarang burung walit dari Malaysia kerana mendapati kandungan nitrit yang tinggi hasil daripada sampel sarang burung walit yang diambil dan didakwa dari negara ini yang boleh mengancam keselamatan makanan pengguna. Susulan itu, ramai pengusaha sarang burung walit di Malaysia telah tidak dapat mengeksport sarang burung walit ke RRC dan terpaksa mencari pasaran eksport di lain-lain negara. Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia menganggarkan sekurang-kurangnya 150 tan metrik sarang burung tidak dapat dieksport ke RRC sejak larangan tersebut dikuatkuasakan. Pihak Kerajaan Malaysia dan RRC kini di peringkat akhir memuktamadkan protokol bagi membolehkan eksport sarang burung walit Malaysia ke RRC diaktifkan kembali.

Bagi maklumat jumlah hasil sarang burung walit yang diseludup ke RRC,

**NO SOALAN : 20**

**Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mempunyai rekod setakat**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

NO SOALAN : 20

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.06.2012**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini golongan muda yang baru bekerja untuk memiliki rumah sendiri menerusi Skim Rumah Pertamaku yang dilancarkan sejak Mac 2011.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

---

1 Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Skim Rumah Pertamaku pada bulan Mac 2011. Skim ini bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja untuk memiliki rumah sendiri. Di bawah skim ini, Cagamas akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Skim ini membolehkan mereka mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Dalam Bajet 2012, Kerajaan telah menambahbaik skim Rumah Pertamaku dengan meningkatkan had maksimum harga rumah daripada RM220 ribu kepada RM400 ribu. Penambahbaikan ini membolehkan pembelian rumah melalui pinjaman bersama suami isteri yang masing-masing berpendapatan RM3,000 ke bawah membeli rumah kediaman bernilai

sehingga RM400 ribu, dengan syarat pembayaran balik jumlah komitmen tidak boleh melebihi 60% daripada pendapatan bersih bulanan atau had pembiayaan maksimum oleh bank yang terlibat, yang mana lebih rendah, bagi mengelakkan pendedahan yang besar terhadap hutang. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang dibangunkan oleh mana-mana pemaju berlesen dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

2. Sehingga akhir Mac 2012, sejumlah 1,709 permohonan telah diterima untuk mendapatkan pembiayaan di bawah skim ini, dengan 589 permohonan tidak diteruskan disebabkan oleh permohonan berganda dengan institusi kewangan yang berlainan. Ini menjadikan jumlah permohonan sebenar skim ini sebanyak 1,120 permohonan. Daripada jumlah permohonan sebenar, sebanyak 399 (36%) permohonan telah diluluskan. Manakala, sebanyak 529 permohonan telah ditolak, sebahagian besarnya atau 397 permohonan adalah disebabkan oleh kegagalan pemohon untuk memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan. Sebanyak 132 permohonan lagi ditolak disebabkan pemohon tidak memenuhi kriteria skim. Pada masa yang sama, 192 permohonan lagi sedang diproses oleh institusi kewangan. Bagi permohonan yang ditolak disebabkan kegagalan pemohon memenuhi kriteria kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan, pemohon akan dirujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan kedudukan kewangan mereka.

Tuan Yang Di-pertua,

3. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, skim ini bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM400,000 layak diberikan pembiayaan perumahan. Peminjam masih lagi perlu memenuhi kriteria asas skim dan juga memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan. Keputusan muktamad pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat. Bagi memastikan rakyat sentiasa memperolehi maklumat yang tepat mengenai skim ini terutamanya mengenai kriteria kelayakan, satu laman sesawang telah diwujudkan. Laman sesawang tersebut boleh dilayari di [www.srp.com.my](http://www.srp.com.my).

*Ho*

1 ^

•NQT AUM: 51 -

~~NQ.AUP~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [ LIPIS ]
TARIKH	27 JUN 2012
RUJUKAN	4901

SOALAN:

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes culik di seluruh negara pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan enam bulan pertama tahun 2012.



**JAWAPAN:**  
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lipis yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah kes culik yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2008 adalah sebanyak 53 kes, manakala bagi tahun 2009 sebanyak 85 kes, tahun 2010 sebanyak 38 kes, tahun 2011 sebanyak 75 kes dan bagi tahun 2012 (sehingga bulan April) sebanyak 34 kes.

**Soalan No:52 MESYUARAT KEDUA, PENGGAL  
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBENTANGAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR  
                  BIN NASARAH  
TARIKH : 27 JUN 2012  
SOALAN : 52

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan :

- a) Pencapaian NKRA Kementerian sehingga kini; dan
- b) Minta Kementerian menyatakan kedudukan rancangan Pembinaan Jalan Sambungan daripada Kg. Luat Lenggong ke Intan Suraya Sungai Siput yang tertangguh sehingga kini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

- a) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah dipertanggungjawabkan sebagai *lead agency* untuk membangunkan prasarana luar bandar melalui NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar bagi tempoh tiga tahun bermula pada tahun 2010 sehingga 2012. Di bawah NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar, empat (4) bidang tumpuan diberi perhatian iaitu:
- i) Menghubungkan rakyat kepada pusat-pusat sosial dan ekonomi melalui pembinaan jalan baru/ dinaik taraf melalui Program Jalan Luar Bandar QALB);
  - ii) Menyalurkan air bersih atau yang dirawat melalui program Bekalan Air Luar Bandar (BALB);

- iii) Membekalkan tenaga elektrik 24 jam di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar(BELB); dan
- iv) Membina/ membaik pulih rumah bagi golongan miskin/ miskin tegar di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Berikut ialah status pencapaian berbanding sasaran bagi tahun 2010 Projek-projek NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar sehingga **31 Mei 2012:**

Sepanjang **2,333.59km** jalan telah siap dibina daripada **sasaran sepanjang 1,910.05km** di bawah **Program Jalan Luar Bandar (JALB)**. Ini telah memberi manfaat kepada 1,228,113 orang penduduk luar bandar.

Manakala di bawah **Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** sebanyak **150,247 buah rumah** daripada **sasaran sebanyak 155,406 buah** telah menerima bekalan air bersih/terawat. Ini telah memberi manfaat kepada 751,235 orang penduduk dikawasan luar bandar.

Di bawah **Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** pula sebanyak **62,603 buah rumah** daripada **sasaran sebanyak 60,474** telah menerima bekalan elektrik 24jam. Ini telah memberi manfaat kepada 313,015 orang penduduk dikawasan luar bandar.



Manakala di bawah **Program Bantuan Rumah (PBR)** pula **sebanyak 34,398 buah rumah** daripada **sasaran sebanyak 28,519 buah rumah** telah berjaya dibina baru/dibaik pulih. Ini telah memberi manfaat kepada 171,990 orang penduduk miskin/ miskin tegar dikawasan luar bandar.

- b) Manakala untuk jawapan kedua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' pihak Kementerian akan mengemukakan permohonan projek ini kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) untuk pertimbangan dibawah *Rolling Plan Ketiga RMK10 (2013- 2015).*



PERTANYAAN

NO. SOALAN : 53  
LISAN

DARIPADA

TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [ LIMBANG ]

TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

RUJUKAN

27 JUN 2012

4902

SOALAN:

Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah pihak Kerajaan akan membuat pemantauan dan operasi berterusan untuk menghapuskan pusat-pusat judi cyber di pekan Limbang yang kecil itu.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Limbang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan amat peka dan sensitif kepada isu-isu permasalahan perjudian haram dalam negara. Kawalan ke atas aktiviti perjudian dilaksanakan melalui penggubalan akta dan peraturan yang diguna pakai di negara ini. Kerajaan sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang- orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjelaskan imej negara.

Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka dibawah undang-undang yang berkaitan. Pihak PDRM turut mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram dibawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953. Selain daripada itu pihak PDRM turut mengadakan operasi-operasi berterusan ke atas tempat- tempat yang telah dikenalpasti menjalankan aktiviti perjudian haram. Bagi memastikan keberkesanan dan ketelusan pihak PDRM turut bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Antara undang-undang berkaitan yang digunakan untuk mendakwa orang-orang yang terlibat dengan kegiatan judi haram ini adalah seperti berikut:-

- Akta Rumah Judi Terbuka 1953
- Akta Pertaruhan 1953
- Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998
- Enakmen Negeri-Negeri
- Akta Penggubalan Wang Haram 2001

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, keberkesanan usaha-usaha dan inisiatif yang diambil oleh pihak PDRM telah terbukti apabila mendapat pujian daripada pihak Interpol dimana pihak PDRM memainkan peranan penting dalam usaha Interpol membanteras kegiatan perjudian acara sukan secara haram terutamanya judi bola sepak. Timbalan Presiden Interpol Eropah Mirelle Ballestrazzi dalam kenyataan akhbar beliau telah memuji peranan dan kerjasama PDRM didalam '*Operation Soga*' yang berjaya menumpaskan sindiket perjudian haram yang dianggarkan berjumlah RM 7 Bilion dimana sepanjang 4 tahun lepas sehingga kini 2,200 serbuan dalam berjaya dilakukan dan 6,000 ahli sindiket telah ditangkap di seluruh dunia.

Pihak PDRM akan sentiasa menjalankan tugas dengan serius dan berusaha untuk mengesan dan mengekang kegiatan judi haram yang wujud di negara kita. Walaubagaimanapun langkah-langkah pencegahan bagi menangani masalah ini tidak boleh dipertanggungjawabkan keatas pihak berkuasa semata-mata. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada orang ramai adalah perlu bagi memastikan jenayah ini dari terus berleluasa. Melalui pelaksanaan konsep '*Community Policing*' yang bertujuan untuk

merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, pihak PDRM berharap program ini dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan komuniti. Dalam pada itu, melalui program '*Rakan Cop*' juga telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan pencegahan jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah dengan menghantar SMS ke talian 32728 atau dengan panggilan ke talian Hotline 03-2115 9999 dan tindakan serta merta akan diselaraskan.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI  
[ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH**

**27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN**

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan minat membaca di kalangan penduduk negara ini sesuai dengan langkah ke arah status negara maju.

**SOALAN NO: 55**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Program Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia, dari tahun 2009 hingga Mei 2012 sebanyak 32,641 program membaca anjuran perpustakaan di pelbagai institusi pengajian yang merangkumi IPTA/IPTS, politeknik, IPG dan sekolah termasuk perpustakaan awam negeri serta perpustakaan desa telah dijalankan di seluruh negara. Program membaca yang dijalankan dalam tempoh tersebut telah berjaya menarik penyertaan seramai 4,267,590 orang khalayak.

## **SOALAN NO: 54**

Antara usaha meningkatkan minat membaca yang dijalankan oleh Kementerian ini melalui Perpustakaan Negara Malaysia adalah mengadakan program galakan membaca dengan kerjasama pelbagai pihak seperti agensi Kerajaan, swasta, badan bukan Kerajaan, institusi pengajian tinggi dan sekolah serta meningkatkan ketersediaan prasarana pembacaan masyarakat seperti membina perpustakaan dan sudut bacaan untuk masyarakat di lokasi tumpuan umum. Antara lokasinya adalah pusat membeli-belah dan terminal pengangkutan awam.

Selain itu, Perpustakaan Negara Malaysia turut memperluas capaian perkhidmatan perpustakaan secara konvensional dan elektronik bagi memudahkan masyarakat mendapat bahan bacaan secara mudah, cepat dan tepat tanpa sempadan masa dan lokasi; melantik ikon membaca kebangsaan di kalangan tokoh-tokoh berpengaruh; dan menyokong usaha pihak industri buku dalam memperbanyakkan penerbitan bahan bacaan ilmiah yang berkualiti untuk membina minda dan pemikiran masyarakat yang lebih kritis, kreatif dan inovatif.

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kajian oleh Bank Dunia menunjukkan bahawa sekiranya gaji minimum ditetapkan pada kadar RM900 sebulan atau kurang, ia tidak akan memberi kesan negatif

\* S

~~■NO.AUM . 50-~~

WOr-AtfP—r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH                    27 JUN 2012**

**RUJUKAN                    4903**

**SOALAN:**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan dan tindakan yang telah diambil terhadap anggota-anggota polis yang berlaku biadap dan ganas terhadap wartawan ketika Perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April 2012. Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Cheras yang mengemukakan pertanyaan.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan perlu bagi mengawal keadaan dari menjadi lebih teruk sehingga boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Dalam hubungan ini, Polis bertindak melalui SOP yang telah disediakan dan pada masa yang sama juga Polis harus bertindak cepat bagi memastikan keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, Kementerian memandang serius sebarang pelanggaran SOP yang telah ditetapkan dan perkara ini masih dalam siasatan pihak Polis. Sehingga kini seramai sembilan (9) orang termasuk dua (2) anggota Polis telahpun didakwa di Mahkamah.

Selain itu, perkara ini akan turut disiasat dengan lebih teliti melalui penubuhan Jawatankuasa Panel Penasihat Bebas yang dipengerusikan oleh Y.A.Bhg. Tun Mohammed Haniff bin Omar. Sekiranya terdapat mana-mana anggota keselamatan terbukti bersalah melanggar SOP yang telah disediakan, tindakan undang-undang akan tetap diambil terhadap anggota yang berkenaan.



NO. SOALAN: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI P**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**

**ADA**

**27 JUN 2012**

**TARIKH**

**4904 RUJUKAN**

**SOALAN :**

**Tuan Gobind Sigh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang telah pun mengadakan upacara sembahyang kematian di hadapan rumah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pada 10.05.2012 dan sekiranya tidak, kenapa.



JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kes ini berlaku pada 10 Mei 2012 pada jam 10.00 pagi bertempat di kediaman rasmi YAB Ketua Menteri Pulau Pinang yang beralamat di No 25, Jalan Pinhorn, Jelutong, Pulau Pinang. Sekumpulan pemuda Melayu seramai lebih kurang 30 orang didapati telah berhimpun dan menampal poster dan bunga di rumah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang. Kes ini telah disiasat di bawah Seksyen 143 Kanun Keseksaan. Hasil siasatan lengkap kes ini telah dihantar ke Jabatan Peguam Negara pada 16 Mei 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN WONG HO LENG [ SIBU ]

**TARIKH** 27 JUN 2012

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Wong Ho Leng [ Sibu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) rizab minyak dan gas di Sarawak, sama ada terdapat penemuan baru dan cara perkongsian antara negeri Sarawak dan Petronas terhadap eksplorasi rizab baru ini; dan
- (b) jumlah rakyat asing berbanding penduduk tempatan yang bekerja dalam industri minyak di Sarawak.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Kemajuan Petroleum 1974, yang mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 1974, telah meletakkan hak sepenuhnya ke atas PETRONAS pemilikan menyeluruh sumber minyak dan gas di Malaysia, sama ada di darat atau luar pesisir pantai, serta hak eksklusif untuk meneroka, membangun dan menghasilkan sumber-sumber hidrokarbon ini. PETRONAS melaksanakan pembangunan yang teratur dan cekap untuk menguruskan sumber hidrokarbon ini dengan tujuan untuk menyumbangkan kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat dan negara untuk jangka masa panjang. Di bawah Akta ini, PETRONAS dikehendaki untuk membuat pembayaran hasil petroleum yang sewajarnya dan disalurkan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Persetujuan ini juga akan digunakan bagi pengeluaran hidrokarbon pada masa hadapan untuk rizab-rizab yang baru ditemui.
- b) Berdasarkan pada maklumat terkini pada 31 April 2012, bagi semua operasi di Sarawak, 75% kakitangan adalah diwakili oleh anak tempatan diikuti oleh 20% dari Semenanjung Malaysia, 4% dari Sabah/Labuan, dan 1% terdiri daripada

warganegara asing.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA Tuan William Leong Jee Keen  
TARIKH 27.6.2012  
SOALAN NO. 58

Tuan William Leong Jee Keen[Selayang] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bagaimana saham-saham IPO Bumiputera diberikan kepada Individu-individu dan syarikat-syarikat, status pegangan Bumiputera dalam korporat dan bagaimana pegangan tersebut dikira.  
Tuan Yang Di-Pertua,

Prosedur pengagihan Saham IPO MITI adalah mengikut Garis Panduan Peruntukan, Pengiktirafan dan Penjualan Saham Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pemberian saham khas Bumiputera diberikan kepada empat (4) kategori berikut:

a) Individu yang berstatus Bumiputera;

**JAWAPAN:**

b) Agensi/Institusi Kerajaan iaitu agensi berkenaan mesti dimiliki oleh Keraiaan dan berada dibawah bidang kuasa sesebuah Kementerian. Pegangan ekuiti agensi/ ekuiti Kerajaan boleh dianggap sebaikai pegangan Bumiputera:

c) Syarikat yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i) Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965;
  - ii) Modal berbayar tidak kurang dari RM100,000;
  - iii) Syarikat Sendirian Berhad yang dimiliki 100% oleh Bumiputera;
  - iv) Ahli Lembaga Pengarah Syarikat adalah sekurang-kurangnya 51% Bumiputera;
  - v) Tenaga pengurusan dan profesional Syarikat adalah sekurang-kurangnya 51% Bumiputera;
  - vi) Kakitangan sokongan adalah sekurang-kurangnya 51% Bumiputera; dan
- d) Koperasi yang dimiliki 100% pemegang saham atau 100% ahli koperasi adalah Bumiputera atau ahli koperasi Bumiputera tidak kurang daripada 95%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARI PADA**

**DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[ LIBARAN ]**

**TARIKH**

**27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN**

Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan setakat mana industri kraftangan Sabah diketengahkan di pasaran antarabangsa dan apakah strategi-strategi yang diambil oleh Kementerian dalam membantu pelancongan Sabah di mata dunia.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sentiasa melaksanakan usaha-usaha bagi mempromosikan industri kraftangan Sabah di pasaran antarabangsa menerusi penyertaan usahawan kraf tempatan di pameran perdagangan luar negara dan pameran perdagangan antarabangsa dalam negara. Pada tahun 2012, Kraftangan Malaysia telah mensasarkan penyertaan sebanyak 10 pameran perdagangan luar negara dan tiga (3) pameran perdagangan

SOALAN NO: 59

antarabangsa dalam negara.

**SOALAN NO: 59**

Antara produk-produk kraf dari Negeri Sabah yang telah mendapat tempat di pasaran antarabangsa adalah seperti Kraf Mutiara, Bekas Pelbagai Guna Anyaman Ribu-ribu/Rinago, Salingkawang dan Daun Serdang, Tenunan Sambitan, Replika Perahu Lepa-lepa, Kraf Pandai Besi dan Kraf Gong.

Di samping itu, Kraftangan Malaysia juga menggunakan media cetak dan media elektronik bagi mempromosikan industri kraftangan Sabah ke peringkat global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

**TARIKH 27 JUN 2012**

**SOALAN:**

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status kajian skim gaji baru perkhidmatan awam yang akan menggantikan SBPA yang telah dibatalkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan pengumuman dalam Majlis Perhimpunan Khas Penjawat Awam Bersama YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2012, struktur Saran-

Baru Perkhidmatan Awam atau SBPA yang diperkenalkan pada 1 Januari 2012, dibatalkan, Sistem Saraan Malaysia (SSM) ditambahbaik seperti berikut:

- a) pelarasan gaji 7 - 13% berdasarkan Jadual Gaji Matriks (JGM) SSM mengikut peratusan bagi gred-gred tertentu;
- b) struktur gaji JGM di bawah SSM dipinda kepada Jadual Gaji Minimum - Maksimum dengan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi Gred 1 - 54 ditetapkan di antara RM80 hingga RM320 mengikut gred manakala KGT bagi JUSA dan ke atas ditetapkan kekal menggunakan KGT SSM dengan diberi pelarasan mengikut peratusan yang ditetapkan;
- c) kadar Bantuan Sara Hidup atau COLA bagi kawasan B dinaikkan daripada RM200 sebulan kepada RM250 sebulan manakala bagi kawasan lain dinaikkan daripada RM100 sebulan kepada RM150 sebulan;
- d) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK), Bayaran Insentif Wilayah (BIW), Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) dan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) dikekalkan pelaksanaannya mengikut peraturan sedia ada di bawah SSM; dan
- e) keputusan penambahbaikan laluan kerjaya berdasarkan prinsip

*time-based* Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dikenakan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012.

Suruhanjaya Khas Transformasi Perkhidmatan Awam telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada 2 Jun 2012 dengan tujuh orang ahli untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik Perkhidmatan Awam Malaysia untuk menambah baik kualiti perkhidmatan awam melalui penyampaian perkhidmatan berkesan kepada rakyat. Suruhanjaya ini bekerja berdasarkan prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan untuk mengemukakan perakuan kepada Kerajaan dalam tempoh 6 bulan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARI PADA: Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON**

**TARIKH: 27JUN2012**

**SOALAN:**

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pencapaian tahap keselamatan Oil And Gas Malaysia (Petronas) sehingga berlaku kemalangan nyawa dan kecederaan kepada pekerja-pekerja di loji syarikat itu pada 10 Mei 2012.

PR-1252-L50276

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri minyak dan gas merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan sumber ekonomi dari minyak dan gas ini dapat dikawal selia dengan baik meliputi isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
2. Bagi menjamin pengurusan dan pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja terutamanya di sektor minyak dan gas terkawal, kerajaan melalui beberapa agensi utama seperti



Jabatan Perdana Menteri(EPU), Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan dan Kementerian Tenaga, Tenaga Hijau dan Air telah menetapkan beberapa peruntukan perundangan, polisi serta prosidur yang mesti dipatuhi seperti ‘Petroleum Development Act 1974’, ‘National Petroleum Policy 1975’, Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang Dan Jentera 1967.

### **Trend Kemalanaan Di Sektor Minvak dan Gas**

3. Bilangan kejadian kemalangan melibatkan industri minyak dan gas yang dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada tahun 2010 dan 2011 menunjukkan tren penurunan dari 54 kes kepada 52 kes. Mengikut statistik bagi kemalangan maut pula menunjukkan penurunan dari 4 kes kepada 1 kes. Bilangan kemalangan di industri minyak dan gas pada tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut:

Jadual 1: Bilangan Kemalangan di Industri Minyak dan Gas

<b>Jenis Kemalangan / Tahun</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
Tidak Hilang Upaya Kekal (THUK)	50	51
Maut	4	1
<b>JUMLAH</b>	<b>54</b>	<b>52</b>

(Sumber: PERKESO)

Tuan Yang Di- Pertua,

4. KSM melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah menguatkuasakan sepenuhnya Akta Petroleum (Langkah- Langkah Keselamatan) 1984, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994

dan Akta Kilang Dan Jentera 1967. Ini bagi memastikan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja terutamanya di sektor minyak dan gas adalah ditahap yang tinggi dari segi pengurusan serta pelaksanaannya. Sehubungan dengan itu, pihak pengusaha juga sentiasa patuh serta sentiasa melakukan pemeriksaan dan pengauditan ke atas pemasangan, integriti peralatan, permit kerja dan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

5. Selain mematuhi akta serta peraturan-peraturan yang berkuatkuasa, pihak pengusaha juga telah membangunkan *standard-standard* teknikal yang diperolehi daripada pengalaman, kemahiran, latihan dan pengetahuan oleh pakar-pakar mereka semasa penglibatan dengan reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan unit pemprosesan dan kemudahan dimana mereka merujuk berdasarkan kepada piawaian nasional dan antarabangsa serta kod amalan. Sebagai contoh di syarikat minyak dan gas Malaysia iaitu PETRONAS, mereka menggunakan 'PETRONAS Technical Standard' (PTS) sebagai amalan teknikal yang baik untuk diguna pakai di kemudahan pengeluaran minyak dan gas, loji penapisan, loji memproses gas, loji kimia, kemudahan pemasaran atau apa-apa kemudahan lain. (*Sumber: PETRONAS*).

Tuan Yang Di Pertua,

5. Satu Kajian telah dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, dimana kajian ini telah membuktikan keberkesanan program keselamatan berasaskan tingkahlaku terhadap pencapaian keselamatan di industri minyak dan gas di Malaysia. (*Sumber: Journal of Community Health 2010, Universiti Kebangsaan Malaysia*). Kajian ini telah membuktikan keberkesanan implementasi tingkahlaku terhadap pencapaian keselamatan di dalam salah sebuah syarikat minyak dan gas di Malaysia, adalah pada tahap pencapaian keselamatan yang

membanggakan. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan pencapaian ini adalah adanya sumber kewangan yang mencukupi, komitmen yang padu daripada pihak pengurusan dan pekerja di dalam melaksanakannya, kewujudan persekitaran pekerjaan yang selamat dan pengurangan kepada kadar insiden indikator-indikator di dalam pencapaian keselamatan yang berkenaan

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** Dato' Haji Mahfuz bin Omar

[ Pokok Sena ]

**TARIKH** 27 JUN 2012 (RABU)

**SOALAN:**

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana maklumat geografi Malaysia yang ada dalam peta Google menjamin keselamatan negara dan rakyat.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Keselamatan negara dan rakyat dapat dilihat daripada pelbagai aspek termasuklah keselamatan dalaman, hubungan dua hala dan antarabangsa. Maklumat geografi melalui peta Google tidak dinafikan sedikit sebanyak boleh menjelaskan maklumat-maklumat strategik negara. Isu ini juga telah dibincangkan di peringkat antarabangsa yang mana maklumat daripada aplikasi ini ada kemungkinan boleh digunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan-tujuan tertentu di luar batas undang- undang. Sehingga kini, masih tidak terdapat tanda-tanda penggunaan maklumat geografi melalui Google boleh mengancam keselamatan negara. Dalam hal ini, pihak Kerajaan sentiasa bersiap sedia dalam pelbagai aspek bagi menjamin keselamatan negara terpelihara.

Peta Google juga boleh memberi banyak manfaat kepada negara terutamanya dari aspek peningkatan dan pertumbuhan bidang sosio-ekonomi negara. Sehubungan itu, Kerajaan mengambil pendekatan yang seimbang dengan membenarkan pihak Google memaparkan maklumat-maklumat geografi bagi memenuhi *demand* komuniti perniagaan antarabangsa, perniagaan tempatan, pelabur dan industri pelancongan dan dalam masa yang sama pemantauan secara berterusan dilaksanakan oleh agensi-agensi keselamatan dan jawatankuasa tertentu

bagi memastikan imej maklumat strategik negara tidak dipaparkan.  
**Maklumat-maklumat**

strategik negara yang sensitif tidak dapat dilihat dengan jelas di mana pihak Google akan mengaburkan imej-imej berkaitan. Melalui pendekatan seimbang ini, keselamatan negara dan rakyat adalah terjamin dan terpelihara di samping maklumat-maklumat geografi yang diperolehi dari peta Google ini dapat digunakan untuk memacu ekonomi negara ke arah lebih kukuh dan kuat.

Sekian.Terima kasih.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :            BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA                      Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]**

**TARIKH                        27 Jun 2012 (Rabu)**

**SOALAN                        6J**

**Dato' Seri Tiong King Sing minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan**

- (a) berapakah jumlah penerbangan terus (*direct flight*) bagi laluan Bintulu-Kuching-Bintulu setiap hari; dan
- (b) adakah Kementerian menyedari tentang rungutan pengguna termasuk pelabur asing dan peniaga mengenai keperluan untuk

menambah penerbangan terus bagi laluan tersebut dan apakah penyelesaiannya.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat jumlah penerbangan terus bagi laluan Bintulu - Kuching - Bintulu setiap hari adalah sebanyak 4 kali sehari;
- (b) Kerajaan menyedari tentang rungutan pengguna termasuk pelabur asing dan peniaga mengenai keperluan untuk menambah penerbangan terus bagi laluan tersebut. Bagi menyelesaikan masalah ini, Kerajaan akan terus menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk menambah kekerapan perkhidmatan penerbangannya bagi laluan tersebut dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, keputusan untuk menambah perkhidmatan penerbangan adalah merupakan keputusan komersil (*commercial decision*) syarikat penerbangan tersebut yang ditentukan berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

SOALAN NO. 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)**

**TARIKH 27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN**

YB Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perkembangan terkini untuk mengubah Seksyen Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 supaya ibu bapa akan terus menanggung kos kehidupan dan pendidikan anak mereka sampai umur 21 tahun selepas penceraian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Aspek pendidikan seseorang anak adalah penting demi masa hadapan

anak terbabit supaya mereka mampu maju serta berupaya untuk hidup berdikari dalam dunia tanpa sempadan yang serba mencabar. Sehubungan itu, nafkah pendidikan anak-anak wajar diberi perhatian apabila berlaku perceraian dalam sesebuah institusi keluarga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Peguam Negara sedang meneliti cadangan pindaan untuk menambah baik Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] termasuk bagi melanjutkan nafkah anak yang berusia melebihi 18 tahun sekiranya anak itu melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan lebih tinggi.

SOALAN NO. : 65

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN**

[ PADANG SERAI ]

**TARIKH : 27JUN2012**

**SOALAN:**

Tuan Gobalakrishnan A/L Nagapan [ Padang Serai ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada peruntukan khas disediakan bagi memperbaiki sistem saliran di kawasan-kawasan yang sering dilanda masalah banjir. Apakah pelan tindakan yang telah dirangka oleh Kementerian bagi menangani isu banjir di kawasan Padang Serai dan Kulim.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah banjir di Padang Serai dan Kulim disebabkan oleh ketidakupayaan sistem perparitan dalam untuk menampung pertambahan air larian akibat daripada pembangunan di kawasan sekitar. Di samping itu, keadaan sungai yang sempit dan cetek seperti Sg Muda, Sg. Jarak, Sg. Seluang, Sg. Kulim dan Sg. Air Merah Utara juga menjadi punca kepada berlakunya banjir.

Pihak Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) melaksanakan projek-projek tebatan banjir di kawasan-

## JAWAPAN:

kawasan yang sering dilanda banjir di seluruh negara di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun seperti di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Tiada peruntukan khas disediakan untuk memperbaiki sistem saliran di kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JPS telah merangka beberapa pelan tindakan pelaksanaan untuk menangani isu banjir tersebut. Antara pelan tindakan tersebut adalah pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda di bawah Projek Pakej 2B Hulu melibatkan kerja-kerja tebatan banjir dari Sidam ke Jambatan Merdeka yang telah mula dilaksanakan pada 25 Jun 2007 dengan kos sebanyak RM 334.6 juta . Projek ini telah berjaya mengurangkan masalah banjir di Sidam Kanan yang terletak di dalam kawasan Parlimen Padang Serai.

Sementara itu, untuk kawasan Kulim pula, JPS telah dan sedang melaksanakan dua lagi projek tebatan banjir, iaitu Rancangan Tebatan Banjir Sungai Perai yang dilaksanakan pada 2004 dengan kos sebanyak RM 121 juta dan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Junjung yang dilaksanakan pada 2010 dengan kos sebanyak RM 4 juta sebagai langkah untuk melancarkan aliran air dari hulu sungai yang melalui Bandar Kulim.

Ketiga-tiga Rancangan Tebatan Banjir (RTB) tersebut merangkumi sistem utama untuk menampung aliran air dari hulu-hulu sungai yang sebahagiannya berada dalam kawasan Padang Serai dan Kulim.

Selain itu, pihak JPS juga telah merancang untuk melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Air Merah Selatan dan Rancangan Tebatan Banjir Kulim / Sungai Keladi bergantung pada peruntukan yang

disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PADA DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

TARIKH 27 JUN 2012

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah dilaksanakan audit prestasi terhadap sistem-sistem perisian komputer yang dibeli oleh kerajaan untuk kegunaan sektor awam, jika ada mengapa laporan audit prestasi itu tidak dibentangkan di Parlimen.

**YB SENATOR DATO' PALANIVEL A/L K.GOVINDASAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Yang Dipertua,

Keperluan bagi menguji perisian komputer yang dibeli oleh Kerajaan telah dicadang untuk dinyatakan di dalam pekeliling perolehan kerajaan yang

**JAWAPAN:**

sedang dikemaskini. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, pengujian perlu dibuat ke atas produk perisian yang akan diperoleh oleh Kementerian dan agensi Kerajaan. Ini seterusnya akan memberi pulangan yang lebih tinggi serta mengurangkan kos operasi Kerajaan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

NO.SOALAN: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**

**BUKAN LISAN**

**DARI PADA**

**DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED**

**TARIKH**

**SOALAN**

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [ Pulai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peratusan sebenar penggunaan teknologi maklumat yang digunakan dalam urusan jabatan Kerajaan untuk kesejahteraan rakyat. Jelaskan aplikasi baru yang sedang dirancang dan sejauh manakah kadar penembusan.**



**JAWAPAN:  
YB SENATOR DATO' PALANIVEL A/L K. GOVINDASAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan rakyat dalam berurusan dengan Kerajaan. Melalui *Economic Transformation Program* (ETP), Kerajaan telah mensasarkan 50% perkhidmatan Kerajaan disediakan secara *online* sehingga akhir tahun 2012 dan 90% pada akhir tahun 2015. Hasil pemantauan sehingga Mei 2012, sebanyak 36.98% perkhidmatan Kerajaan telah berjaya disediakan secara *online*. Manakala sebanyak 14.9% masih dalam pembangunan dan dijangka siap pada akhir tahun 2012. Pencapaian ini dijangka memenuhi sasaran yang ditetapkan dan akan memberi impak positif kepada sistem penyampaian Kerajaan. Di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) Kerajaan juga telah merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif baru yang dapat memberi keutamaan perkhidmatan kepada rakyat. Antara aplikasi baru yang akan dihasilkan adalah seperti yang berikut:

- (a) MyIdentity yang merupakan aplikasi yang memudahkan rakyat berurusan dengan Kerajaan. Rakyat tidak perlu memberi maklumat peribadi berulang kali apabila berurusan. Ianya juga membolehkan rakyat mengemaskini maklumat peribadi bila-bila masa dan di mana-mana sahaja;

- (b) *Government Regional Electronic Advancement Transformation* (GREAT) merupakan inisiatif perkhidmatan *online* yang diintegrasikan dengan agensi-agensi dalam lima kawasan koridor ekonomi iaitu Iskandar Malaysia, *Northern Corridor Economic Region* (NCER), *East Coast Economic Region* (ECER), *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) and *Sabah Development Corridor* (SDC). Inisiatif ini akan menyediakan satu saluran utama yang menyokong urusan perniagaan dan rakyat dengan Kerajaan;
- (c) *Digital Document Management System* (DDMS) Sektor Awam merupakan aplikasi yang akan diguna pakai dalam memberi penjimatan kos penggunaan kertas. Aplikasi ini membolehkan semua dokumen Kerajaan disimpan dan diarkibkan secara digital;
- (d) Peluasan *Learning Management System* (LMS): LMS merupakan satu sistem berdasarkan web yang bertujuan untuk memudahkan capaian kepada kandungan pembelajaran di sekolah-sekolah serta pengurusan mata pelajaran yang menepati standard *Shareable Content Object Reference Model* (SCORM). Sistem ini berperanan membantu sistem pengajaran dan pembelajaran secara *online*. Pada tahun 2011, di bawah RMKe-10, LMS diperluaskan lagi di 70 buah sekolah dengan penekanan kepada *self reliance* bagi membolehkan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) meluaskan pelaksanaan LMS di sekolah seluruh Malaysia. Sehingga kini, LMS telah digunakan di 120 buah sekolah di seluruh Malaysia;
- (e) MyMesyuarat merupakan sistem pengurusan mesyuarat dan sistem pemantauan keputusan berdasarkan web yang menggunakan perisian *open source*. Sehingga 2011, sebanyak 80 buah agensi

Sektor Awam telah melaksanakan MyMesyuarat. Projek Peluasan MyMesyuarat di Sektor Awam telah dipilih sebagai salah satu projek di bawah NKEA CCI EPP 8 : E-Government dan Perkhidmatan *Online* Kerajaan di mana Kerajaan telah menetapkan sasaran iaitu pada tahun 2012, 70% surat menyurat, minit mesyuarat dan memo serta 90% jemputan mesyuarat adalah secara *online*;

- (f) Projek Integrasi *Open Hospital Information System* (OpenHIS) merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 yang melibatkan kolaborasi di antara MAMPU, Kementerian Kesihatan Malaysia dan syarikat swasta, Hitech Padu Sdn. Bhd. Projek ini merangkumi pembangunan tiga modul iaitu *Laboratory Information System* (LIS), *Clinical Documentation* (CD) dan *Central Sterile Supply Department* (CSSD) yang diintegrasikan dengan sistem pengurusan pesakit dan beberapa sistem yang sedia ada seperti *Blood Bank Information System* dan *Operating Theater Management System*. Pembangunan ini melibatkan penggunaan perisian sumber terbuka yang membolehkan Kerajaan menjimatkan kos pembangunan. Hasil pembangunan ini akan membolehkan Kementerian melaksanakan sistem OpenHIS di hospital seluruh Malaysia

LISAN

YB. PEMBERITAHU PERTANYAAN DATO' ISMAIL  
BIN DEWAN RAKYAT. MALAYSIA KASIM ARAU

27.6.2012

(RABU)  
PERTANYAAN 68

DARIPADA

KAWASAN

TARIKH NO.

SOALAN YB. DATO' ISMAIL BIN KASIM minta  
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA

DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah dan nilai Pelaburan Terus Asing (FDI) ke negara ini dari tahun 2009 hingga Mei 2012, dan nyatakan sektor apakah yang menjadi peneraju serta menerima pelaburan yang terbanyak.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2009 hingga Mac 2012, jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM400.1 bilion. Jumlah ini merangkumi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama yang merangkumi sektor pertanian, perlombongan dan perladangan dan komoditi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM163.7 bilion atau 41 peratus adalah pelaburan langsung asing (FDI).

Bagi tempoh yang sama, sektor perkilangan terus menjadi peneraiu pelaburan langsung asing, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM91.3 bilion (55.8%), diikuti oleh sektor utama (RM41.5 bilion) dan sektor perkhidmatan (RM30.9 bilion). Pecahan pelaburan bagi sektor perkilangan adalah seperti berikut:

- elektrikal dan elektronik (RM35.6 bilion);
- kimia dan produk kimia (RM13.6 bilion);
- produk galian bukan logam (RM9.1 bilion);
- produk logam asas (RM7.8 bilion); dan
- pengilangan makanan (RM4.9 bilion).



No. Soalan : 69  
PR-1252-L50477

# **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

## **PERTANYAAN JAWAB LISAN**

DARIPADA TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [  
PASIR PUTEH ]

TARIKH 27 JUN 2012

**SOALAN** Y.B. Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menyatakan bantahan rasmi terhadap kenyataan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama berkaitan sokongan beliau terhadap perkahwinan sejenis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh di atas soalan yang dikemukakan.

2. Pendirian Kerajaan Malaysia dalam isu lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) adalah amat jelas di mana Malaysia tidak akan bertolak ansur atau berkerjasama dengan mana-mana pihak di dalam atau luar negara untuk mengiktiraf golongan LGBT dan hak mereka. Pendirian Kerajaan Malaysia amat jelas apabila pihak Kerajaan tidak membenarkan perhimpunan LGBT yang dirancang baru-baru ini oleh setengah golongan yang tidak peka pada amalan agama dan budaya masyarakat tempatan.
3. Dalam hal ini, pendirian Kerajaan Malaysia juga sejajar dengan pendirian negara-negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkenaan isu-isu LGBT, orientasi seksual serta identiti jantina.
4. Berkaitan dengan kenyataan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama yang menyatakan beliau menyokong perkahwinan golongan LGBT itu merupakan pendirian peribadi beliau dan hanya tertakluk kepada Amerika Syarikat.

5. Secara prinsipnya, Kerajaan Malaysia mengamalkan dasar tidak mencampuri hai ehwal domestik negara asing oleh sebab beberapa faktor termasuk nilai-nilai warganegara asing yang berbeza dari apa yang dipegang dan diamalkan oleh rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, tidak perlu bagi Kerajaan Malaysia untuk membantah pendirian Presiden Amerika Syarikat yang dibuat dalam konteks isu-isu sosial negara beliau secara terbuka.
6. Walau bagaimanapun, YAB Perdana Menteri telah memaklumkan kekesalan beliau terhadap kenyataan Presiden Obama yang menyokong hak-hak perkahwinan bagi golongan LGBT kepada Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat semasa pertemuan di Washington D.C. baru-baru ini. YAB Perdana Menteri juga telah menegaskan kepada pihak Amerika Syarikat bahawa undang-undang agama adalah prinsip-prinsip yang patut dihormati dan dipatuhi mengenai isu-isu sosial yang dianggap sensitif oleh penganut agama yang merupakan kumpulan majoriti di Amerika Syarikat dan juga di Malaysia.
7. Berpandukan kepada pendirian Malaysia mengenai isu perkahwinan sejenis oleh kumpulan LGBT ini, Malaysia akan terus mengetengahkan pendirian dan pandangan terhadap isu ini bila mana ada pertemuan bagi perbincangan dengan pihak Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH

[SUBANG]

TARIKH 27 JUN 2012

SOALAN:

TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH minta PERDANA MENTERI menyatakanapakah niat Kerajaan apabila Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) (No.2) 2012 yang diwartakan pada 27 April 2012 tidak mengandungi peruntukan nyata untuk pastikan kaedah membuang undi awal adalah diperhatikan dan telus seperti pembuangan undi biasa.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua tatacara bagi

NO. SOALAN : .7/

pengundian awal yang terkandung di dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 yang diwartakan pada 13 Februari 2012 dan dikuatkuasakan pada 15 Februari 2012, adalah sama dengan tatacara bagi pengundian biasa sebagaimana termaktub di dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, yang dinyatakan di dalam Subperaturan 27A1, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH                    27 JUN 2012 [RABU]**

**SOALAN**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakan kementerian tidak menyediakan buku-buku untuk KAFA kepada murid-murid untuk belajar**

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Program KAFA diselia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Pada masa ini, JAKIM ada menyediakan buku-buku teks untuk kegunaan murid- murid kelas KAFA berdasarkan kurikulum KAFA JAKIM atau dikenali sebagai Buku Teks KAFA. Buku Teks KAFA mula diperkenalkan pada tahun 1996.

Pada tahun 2002, melalui surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2002, JAKIM telah mewajibkan semua kelas KAFA mengguna pakai buku-buku teks KAFA yang diedar oleh penerbit yang dilantik oleh JAKIM. Walau bagaimana pun, mulai tahun 2010 negeri Melaka dan Negeri Sembilan tahun 2005, telah memberi buku teks KAFA tersebut secara percuma kepada murid-murid kelas KAFA melalui Majlis Agama Negeri (MAIN) masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**SOALAN 72**

**PERTANYAAN LISAN**

**TARIKH**           **27 JUN 2012**

**DARIPADA**       **Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH [KOTA BHARU]**

**SOALAN**           **Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

Usaha-usaha Kerajaan Persekutuan dalam membantu Program Tahun Melawat Kelantan 2012.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Bharu, Kementerian Pelancongan melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa berusaha untuk membantu mempromosikan program-program ram-ram Tahun Melawat Kelantan 2012 seperti berikut:

- 1) Menjemput pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan termasuk dari Negeri Kelantan iaitu seramai 15 pengusaha pelancongan yang menyertai pameran-pameran pelancongan anjuran Kementerian Pelancongan seperti Cuti-Cuti 1 Malaysia Travel Fair, Cuti-Cuti 1 Malaysia Night Travel Fair dan Corporate Travel Bazar;
- 2) Menjemput seramai 19 pengusaha pelancongan tempatan termasuk dari Negeri Kelantan dalam menyertai pameran-pameran pelancongan utama anjuran persatuan dan badan-badan pengusaha pelancongan seperti MATTA Fair, Malaysia Domestic Tourism Fair, Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA), Karnival Pelancongan Belia dan Malaysia International Tourism Exchange;
- 3) Mengedarkan risalah-risalah program pelancongan tempatan khususnya program Tahun Melawat Kelantan ke pejabat-pejabat

Tourism Malaysia dan Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di seluruh Malaysia dan di luar negara;

- 4) Mengadakan kerjasama pintar dengan rakan-rakan media cetak seperti majalah-majalah pelancongan tempatan antaranya seperti Majalah Libur, GAYA Travel termasuk akhbar-akhbar utama tempatan dan persatuan-persatuan seperti Persatuan Fotografi ke tempat-tempat pelancongan di Kelantan untuk membuat liputan bagi program Tahun Melawat Kelantan 2012;
- 5) Menggalakkan pengeluaran pakej-pakej pelancongan domestik yang berinovatif dan kreatif yang dibangunkan oleh pihak pengusaha pelancongan tempatan; dan
- 6) Menganjurkan program ‘Familiarization Trip’ dengan menjemput pengusaha pelancongan tempatan dan media asing dalam mengadakan lawatan ke tempat pelancongan yang menarik melalui program dan aktiviti pelancongan di Negeri Kelantan. Melalui program ini, seramai 4 orang *journalist* telah dijemput untuk mengenali produk-produk pelancongan di Negeri Kelantan, untuk didedahkan kepada pelancong tempatan dan luar negara secara lebih dekat lagi melalui penjualan pakej-pakej pelancongan dan pendedahan dalam media massa dan elektronik.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN ( 73 )**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU [ BUKIT KATIL ]**

**SOALAN**

**Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU [ BUKIT KATIL ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah rumah yang tidak dapat dijual mengikut kategori rumah dan negeri. Apakah usaha terbaru Kerajaan untuk memastikan semua rakyat memiliki rumah.



## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 159,642 unit rumah telah diluluskan Lesen Pemajuan Perumahan untuk dibina oleh Kementerian. Kelulusan lesen berkenaan merangkumi pelbagai jenis kediaman seperti rumah sesebuah, berkembar, rumah kedai, pangsapuri dan rumah bandar (**Lampiran A**).

Seterusnya, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) sehingga suku keempat 2011, jumlah unit rumah yang tidak dijual di seluruh Malaysia adalah sebanyak 19,607. Jika dibandingkan dengan tahun 2010, jumlah ini telah menurun sebanyak 2,583 unit di mana jumlah keseluruhan rumah yang tidak dijual sehingga suku keempat 2010 adalah sebanyak 22,190 unit. Daripada jumlah tersebut, Negeri Johor mencatatkan bilangan rumah yang tidak dijual tertinggi iaitu sebanyak 5,165 unit (**Lampiran B**).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sentiasa mengambil berat mengenai keperluan perumahan sebagai satu keperluan

asas untuk semua golongan rakyat. Bagi memastikan semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah memiliki rumah, Kerajaan telah mensasarkan untuk membina sebanyak 161,000 unit rumah kos rendah dan mampu milik dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Ia merangkumi 78,000 unit yang dibina oleh Kerajaan termasuk rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan sebanyak 83,000 unit dibina oleh pemaju swasta.

Selain daripada pembinaan PPR dan rumah kos rendah, Kerajaan juga melaksanakan pelbagai program perumahan bagi memastikan rakyat dapat memiliki rumah. Antaranya ialah pelaksanaan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) oleh Kementerian Saya kepada golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah di atas tanah sendiri, Program Bantuan Rumah (PBR) kepada golongan miskin oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Program Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Program Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) bagi menyediakan perumahan kepada golongan berpendapatan sederhana dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) bagi membantu rakyat

membeli rumah pertama mereka dengan mendapatkan pembiayaan 100%.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Jun 2012



**Lampiran A**

BILANGAN UNIT DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI PADA TAHUN 2011

NEGERI	RUMAH KLUSTER	RUMAH BERKEMBAR	RUMAH TERES	RUMAH SESEBUAH	RUMAH KEDAI	RUMAH PANGSA/KONDO	PANSAPURI SERVIS	RUMAH BANDAR	SEMUA
JOHOR	9	17	55	19	7	8	1	17	133
KEDAH	1	30	28	17	6	0	0	0	82
KELANTAN	0	7	15	7	0	1	3	0	33
MELAKA	2	17	15	6	2	5	1	1	49
NEGERI SEMBILAN	1	13	23	9	0	1	0	2	49
PAHANG	0	19	22	10	2	1	0	0	54
PERAK	9	29	50	15	6	1	0	1	111
PERLIS	0	6	2	3	0	0	0	0	11
PULAU PINANG	2	39	24	17	1	12	1	2	98
SELANGOR	6	44	73	27	4	25	11	6	196
TERENGGANU	0	10	7	9	0	1	0	0	27
W.P KUALA LUMPUR	2	22	29	23	0	16	5	5	102
W.P. PUTRAJAYA	0	3	3	1	0	0	0	0	7
IJUMLAH	32	256	346	163	28	71	22	34	952



**Lampiran B**

NEGERI	TERES	SEMI-D	RUMAH BANDAR	KLUSTER	FLAT/APARTMENT/ KONDOMINIUM	PANGS APURI SERVIS	JUMLAH UNIT YANG TIDAK DIJUAL
W.P Kuala Lumpur	77	23	24	0	1,994	753	2,871
W.P Putrajaya	0	0	0	0	0	0	0
W.P Labuan	6	0	0	0	0	0	6
Selangor	330	66	66	120	1,786	0	2,368
Perak	726	188	0	35	314	0	1,263
Pulau Pinang	93	78	0	0	161	0	332
Kedah	759	369	130	0	58	0	1,316
Perlis	52	0	0	0	0	0	52
Pahang	325	198	0	0	0	0	523
Kelantan	119	28	0	0	0	0	147
Terengganu	117	0	0	0	0	0	117
Negeri Sembilan	601	95	56	0	1,459	0	2,211
Melaka	917	74	0	0	61	0	1,052
Johor	3,013	510	31	192	1,364	55	5,165
Sabah	297	57	0	0	1,262	0	1,616
Sarawak	289	145	62	0	72	0	568
<b>JUMLAH</b>	<b>7,721</b>	<b>1,831</b>	<b>369</b>	<b>347</b>	<b>8,531</b>	<b>808</b>	<b>19,607</b>

Soalan No.74

<sup>6</sup>  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG [ GELANG PATAH ] PERTANYAAN :**

**LISAN TARIKH : 27.06.2012**

**Y.B. PUAN TAN AH ENG [ GELANG PATAH ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan**

- (a) jumlah penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) sehingga Fasa 8 ; dan
- (b) jumlah penerima yang belum tuntut dan cara untuk menyelesaikan masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah. Pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isirumah yang layak ini telah

I

dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka. Dalam masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.

2. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 31 Mac 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat

mendapatkan borang dan membuat pendaftaran. Manakala pengagihan baucar BR1M telah bermula pada 15 Januari 2012 sehingga 15 Mei 2012. Walaubagaimanapun, tempoh sah laku baucar BR1M telah dilanjutkan sehingga 31 Julai 2012 memandangkan masih terdapat sebilangan kecil penerima yang masih belum lagi menerima baucar.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012, pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 5.0 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.3 juta atau hampir 86.4% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk kelulusan rayuan dan juga kelulusan kategori khas yang merangkumi penerima bantuan E-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 682 ribu atau 13.6% daripada keseluruhan pemohonan. Program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.3 juta isirumah atau 66% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, definisi isi rumah bagi BR1M adalah berbeza berbanding dengan definisi isi rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Ini adalah untuk memastikan lebih ramai keluarga yang dapat menerima bantuan BR1M. Bagi tujuan BR1M, definisi ketua isi rumah adalah seorang lelaki atau wanita yang menjadi ketua kepada ahli yang tinggal serumah atau ketua keluarga. Ini merangkumi individu yang sudah berkahwin termasuk anak yang berkahwin dan tinggal bersama ibu bapa, ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan, bujang yang mempunyai tanggungan dan warga emas sebatang kara. Oleh yang demikian,

semasa merangka program BR1M, adalah dianggarkan sebanyak 5.2 juta isi rumah atau 79.5% keluarga layak memohon BR1M.

5. Bagi negeri Sabah, sebanyak 477,200 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 408,927 atau 85.7% permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM204,463,500. Manakala, bagi negeri Sarawak, permohonan yang diterima adalah sebanyak 561,743 di mana 82.5% atau 463,237 permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM231,618,500. Secara keseluruhan jumlah kelulusan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Kelulusan	Peratus Lulus Keseluruhan
Selangor	530,977	12.71%
Johor	466,367	11.17%
Sarawak	463,237	11.09%
Perak	429,231	10.28%
Sabah	408,927	9.79%
Kedah	363,139	8.69%
Kelantan	303,579	7.27%
Pulau Pinang	244,846	5.86%
Pahang	229,660	5.50%
Terengganu	199,918	4.79%
N.Sembilan	168,700	4.04%
Kuala Lumpur	166,362	3.98%
Melaka	134,904	3.23%
Perlis	50,132	1.20%
Labuan	11,608	0.28%
Putrajaya	4,835	0.12%
<b>Jumlah</b>	<b>4,176,422</b>	<b>100.00%</b>

Untuk makluman, jumlah tersebut tidak termasuk jumlah kelulusan bagi kategori orang asli dan penerima bantuan JKM yang berjumlah sebanyak 159,810 penerima.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekuahan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD  
(KUALA SELANGOR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.06.2012**

**Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD [ KUALA SELANGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah dari jaminan hutang 'Contingent Liabilities' oleh Badan-badan berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) yang akhirnya terpaksa dibayar oleh Kerajaan Pusat kerana tidak dibayar oleh peminjam-peminjam GLCs yang menghadapi masalah kewangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan dari masa ke semasa memberikan jaminan kepada badan berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

2. Sehingga 31 Disember 2011, jumlah *contingent liability* Kerajaan Persekutuan iaitu baki pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan adalah sebanyak RM116.76 bilion terdiri daripada pinjaman domestik RM109.14 bilion (93.5%) dan pinjaman luar RM7.62 bilion (6.5%) yang melibatkan 2 badan berkanun dan 26 syarikat berkaitan Kerajaan. Prestasi bayaran balik pinjaman adalah baik dan mengikut jadual ditetapkan tanpa sebarang tunggakan.

3. Setakat ini, syarikat-syarikat tersebut tidak menghadapi masalah untuk membayar balik pinjaman masing-masing. Kementerian Kewangan sentiasa memantau dengan rapi kedudukan *contingent liability* Kerajaan (dengan izin) supaya tidak akan menjadi tanggungan langsung kepada Kerajaan. Bagi tujuan tersebut, badan berkanun/syarikat berkenaan diwajibkan mengemukakan laporan prestasi bayaran pinjaman setiap suku tahun kepada Kementerian Kewangan.

yo• s o / ' G  
~~WO. AUM ! 80~~

NO. AtIP. -

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN HEE LOY SIAN

[ PETALING JAYA SELATAN ]

**TARIKH** 27 JUN 2012

**RUJUKAN** 4907

**SOALAN:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

- (a)        senarai dengan jelas bidang kuasa yang dimiliki oleh panel penyiasatan insiden kekasaran pihak polis dalam perhimpunan BERSIH 3.0; dan
  - (b)        berapa jumlah anggota polis yang dikenal pasti melakukan kesalahan semasa perhimpunan BERSIH 3.0.
- Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Bagi menjawab soalan (a), bidang kuasa Panel Penasihat Bebas yang telah diputuskan penubuhannya oleh Kerajaan secara umumnya adalah untuk menyiasat dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai perhimpunan di Dataran Merdeka pada 28 April 2012 termasuk dakwaan insiden kekerasan polis semasa mengawal perhimpunan. Dalam hubungan ini, Panel tersebut tidak mempunyai kuasa untuk melakukan siasatan dari segi perundangan tetapi boleh dijadikan saluran alternatif oleh mana-mana pihak untuk mengemukakan laporan, bantahan, bahan bukti dan sebagainya berhubung perhimpunan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

**JAWAPAN:**

Bagi menjawab soalan (b) pula, sehingga hari ini seramai 2 orang anggota polis telahpun dituduh di bawah Seksyen 352 Kanun Keseksaan kerana telah menggunakan kekerasan jenayah terhadap seorang wartawan *Guang Ming Daily*. Dalam masa yang sama, siasatan masih lagi diteruskan termasuk melalui Panel Penasihat Bebas bagi mengenai pasti anggota-anggota keselamatan lain yang telah melakukan kesalahan semasa mengawal perhimpunan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN JEFF OOI CHUANAUN [JELUTONG]**

**TARIKH                    27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan demi ketelusan, mengumumkan butiran lengkap mengenai semua tadika/tabika/taska dan anak-anak Malaysia, termasuk kategori kaum, yang telah dimanfaatkan dalam Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA yang telah diberi peruntukan sebanyak RM110 juta dalam Belanjawan 2011 dan 2012.

**JAWAPAN                    YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL**

**AZIZ**

Tuan Yang di-Pertua,

Program PERMATA Negara ditubuhkan bagi menawarkan satu alternatif dalam asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dan disasarkan kepada keluarga yang berpendapatan rendah di di kawasan pinggir dan luar bandar. Bagi maksud ini, ianya hanya meliputi TASKA sahaja. TABIKA dan TADIKA adalah di bawah program pra-sekolah yang dikendalikan dan di bawah bidangkuasa yang berasingan.

Pelan perancangan perluasan Program PERMATA telah mensasarkan penubuhan sebuah Pusat Anak PERMATA Negara di setiap kawasan parlimen. Selain itu, agensi Kerajaan seperti KEMAS dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional turut melaksanakan Program PERMATA melalui TASKA PERMATA KEMAS dan TASKA PERMATA Perpaduan. Perluasan pelaksanaan Program PERMATA juga turut dijalankan dengan kerjasama pentadbiran Kerajaan Negeri seperti di negeri Terengganu melalui Yayasan

Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) dan di Sarawak melalui Jabatan Ketua Menteri Sarawak. PERMATA juga turut memberikan peruntukan bagi TASKA Tempat Kerja di agensi-agensi Kerajaan dan kepada TASKA yang ditubuhkan untuk komuniti.

Bagi Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) yang ditubuhkan oleh Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri terdapat 54 buah PAPN yang telah beroperasi dengan 1,462 orang kanak-kanak dan 26 lagi dalam proses pembinaan. Bagi TASKA PERMATA KEMAS terdapat 319 buah TASKA dengan 6,842 orang kanak-kanak manakala TASKA PERMATA Perpaduan mempunyai 39 TASKA dengan 617 orang kanak-kanak. Bagi TASKA PERMATA Keluarga di bawah YPKT terdapat 66 TASKA dengan 3,162 orang kanak-kanak. Manakala sebanyak 122 TASKA Tempat Kerja dan TASKA Komuniti telah dinaiktaraf dan telah memberi manfaat kepada 3,660 orang kanak-kanak. Secara keseluruhan seramai 15,743 orang kanak-kanak telah mendapat peluang mengikuti Program PERMATA sejak ianya dilaksanakan.

Kesemua penubuhan PAPN, TASKA PERMATA KEMAS, TASKA PERMATA Perpaduan, TASKA PERMATA Keluarga dan TASKA PERMATA Tempat Kerja/Komuniti dilaksanakan samada secara bina baru, ubahsuai atau naiktaraf premis TASKA sediada. Penubuhan oleh semua agensi tersebut menggunakan peruntukan yang telah diperuntukkan dalam Paket Rangsangan Ekonomi 1 tahun 2009, Belanjawan tahun 2010 dan 2011. PERMATA tidak menerima sebarang peruntukan kewangan dalam

Belanjawan 2012. Pecahan bagi setiap TASKA adalah seperti berikut:-

Bil.	TASKA	Agenzi Pelaksana	Bilangan TASKA	Pecahan kaum						Jumlah
				Melay u	Cina	India	Pribumi	Orang Asli	Lain- lain	
1	Pusat Anak PERMATA Negara	Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri	54	1,384	15	9	48	0	6	1,462
2	TASKA PERMATA KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	319	5,828	36	6	790	167	15	6,842
3	TASKA PERMATA Perpaduan	Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN)	39	541	10	7	41	0	18	617
4	TASKA PERMATA Keluarga	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	66	3,162 (Tiada pecahan kaum disertakan)						3,162
5	TASKA Tempat Kerja &TASKA Komuniti	TASKA yang beroperasi di premis agensi Kerajaan	122	3,660 (Tiada pecahan kaum disertakan)						3,660
		Jumlah	478							15,743

(Berdasarkan kepada statistik dari Bahagian PERMATA, KEMAS, JPNIN pada Mei 2012 dan YPKT serta TTKTK pada Disember 2011)

Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri juga telah menubuhkan sebuah PAPN di kawasan majoriti masyarakat kaum cina iaitu PAPN Bercham di negeri Perak. Manakala sebuah PAPN juga telah dibina di kawasan majoriti masyarakat kaum India di Dengkil, Selangor. Penubuhan kedua-dua buah PAPN ini adalah bagi memberi peluang kepada anak-anak masyarakat kaum cina dan kaum india untuk mengikuti Program PERMATA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]  
TARIKH : 27 JUN 2012 (RABU)

**SOALAN**

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah program yang dilakukan untuk mengelak julat perbezaan dalam pendapatan (*inequalities*) dalam usaha meningkatkan pendapatan per-kapita negara.

**JAWAPAN:**

Dalam Rancangan Pembangunan Negara untuk tempoh antara 1970 hingga 2009, Kerajaan telah berjaya mengurangkan ketidakseimbangan dan merapatkan julat perbezaan dalam pendapatan dalam negara. Ketidakseimbangan pendapatan yang bertambah baik digambarkan oleh pekali Gini yang telah berkurangan daripada 0.462 pada tahun 2004 kepada 0.441 pada tahun 2009. Nisbah ketaksamaan pendapatan antara isi rumah 40 peratus terendah berbanding isi rumah 20 peratus teratas juga bertambah baik dengan pengurangan nisbah ketaksamaan pendapatan daripada 1:7.57 kepada 1:6.94 dalam tempoh yang sama.

Dalam tempoh yang sama, ketaksamaan pendapatan antara etnik juga semakin bertambah baik. Pada tahun 2004, nisbah ketaksamaan pendapatan antara Bumiputera:Cina, antara Bumiputera:India dan Cina:India masing-masing ialah 1:1.64, 1:1.27 dan 1:1.28 telah berkurang kepada 1:1.38, 1:1.10, 1:1.25 pada tahun 2009. Nisbah ketaksamaan pendapatan antara masyarakat luar bandar dan bandar turut berkurang daripada 1:2.11 kepada 1:1.85 dalam tempoh yang sama. Keadaan ini memberi gambaran bahawa agihan pendapatan dan hasil pembangunan negara adalah lebih saksama dan lebih menyeluruh serta memberi manfaat kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Sungguhpun begitu, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk meningkatkan lagi corak agihan pendapatan yang lebih saksama. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tumpuan telah diberikan kepada isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40%) dengan memperkenalkan pendekatan pembangunan sosioekonomi secara inklusif. Antara program utama yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) Program peningkatan keupayaan dan kebolehan (*capacity building*). Di bawah program ini, tumpuan khusus diberikan kepada ahli isi rumah melalui program pendidikan dan latihan bagi meningkatkan kelayakan dan kemahiran kumpulan sasar. Ini adalah supaya mereka menjadi lebih *employable* dan *marketable* dalam bersaing mendapatkan pekerjaan bergaji lebih tinggi; dan
- (ii) Program peningkatan pendapatan secara bersepadu melalui pelaksanaan program agropolitan dan peladangan kontrak. Program ini merangkumi pembangunan ladang berpusat serta kawasan penempatan semula yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan kemudahan awam seperti jalan raya, elektrik, bekalan air, dewan orang ramai dan sebagainya bagi meningkatkan tahap pendapatan dan taraf hidup serta memperluaskan akses kepada pekerjaan. Melalui program ini, kumpulan sasar memperoleh jaminan pendapatan daripada hasil pertanian dan perladangan yang dijalankan melalui pelbagai agensi Kerajaan. Program ini juga melibatkan penyediaan peluang kepada isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah menceburi aktiviti perniagaan dan keusahawanan yang akan memberi pulangan pendapatan yang lebih tinggi melalui pembiayaan yang disediakan oleh institusi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

Di samping itu, tumpuan khusus juga diberi kepada keperluan kumpulan sasar khusus seperti masyarakat Orang Asli dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak, penduduk di kampung baru Cina serta pekerja-pekerja estet. Bagi masyarakat Orang Asli, program pembangunan dan pemilikan tanah pertanian turut dilaksanakan. Bumiputera di Sabah dan Sarawak pula akan mendapat manfaat daripada pelbagai projek ekonomi, pembangunan tanah *Native Customary Right* (NCR), pendidikan dan pembangunan

infrastruktur bagi meningkatkan keupayaan dan pendapatan. Penduduk kampung baru Cina pula akan dapat menikmati bantuan pembiayaan bagi memperbaharui tempoh pajakan, membaiki rumah serta bantuan modal untuk memulakan perniagaan.

Melalui program-program ini, Kerajaan mensasarkan akan dapat mengurangkan pekali Gini pada tahun 2009 kepada 0.420 pada tahun 2015 seterusnya meningkatkan pendapatan per kapita negara, selaras dengan hasrat untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid**

[ Kuala Langat ]

**TARIKH**

**27 Jun 2012 (Selasa)**

**SOALAN**

**79**

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa ada perjanjian Syarikat Penerbangan Air Asia dengan pelanggan yang membolehkan pihak syarikat penerbangan AirAsia menangguhkan penerbangan sedangkan pelanggan yang akan menanggung kerugian tersebut.  
Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semua syarikat penerbangan mengadakan perjanjian dengan pelanggan seperti yang digariskan di bawah *Montreal Convention 1999*. Tujuan perjanjian di antara

## JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

syarikat penerbangan dan pelanggan diadakan adalah untuk menjelaskan tanggungjawab dan liabiliti di antara syarikat penerbangan dan penumpang. Dalam hubungan ini, terdapat klausa di dalam perjanjian yang membolehkan syarikat-syarikat penerbangan menangguhkan penerbangan tanpa menanggung kerugian yang dialami oleh pelanggan sekiranya berlaku perkara-perkara di luar kawalan syarikat penerbangan seperti limitasi lapangan terbang, arahan berhubung *airworthiness* kapal terbang, kerja-kerja baik pulih yang tidak dirancang dan keadaan cuaca

3



NO. SOALAN : 80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

**DATUK SERI PANGLIMA ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
[KALABAKAN]**

**PERTANYAAN**

**27 JUN 2011 (RABU)**

**TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA  
SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bila keadaan gangguan bekalan elektrik di Sabah dapat dipulihkan sepenuhnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kadar gangguan bekalan elektrik di sebuah kawasan diukur dalam *System Average Interruption Duration Index* atau lebih dikenali sebagai SAIDI. Semua pihak perlu realistik dalam menilai usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kadar gangguan bekalan elektrik di seluruh Sabah.

Pada tahun 2009, SAIDI yang telah dicatatkan bagi seluruh negeri Sabah adalah sebanyak **2,867.23** minit/pelanggan/setahun. Melalui usaha-usaha giat yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan melalui Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), pencapaian SAIDI telah dapat dikurangkan kepada **687.38** minit/pelanggan/setahun pada 2010 dan seterusnya kepada **494.64** minit/pelanggan/setahun pada 2011.

Walaupun terdapat beberapa siri gangguan yang telah berlaku pada bulan Mac dan April yang lalu, namun pihak Kementerian yakin bahawa catatan SAIDI ini akan dapat dikurangkan lagi pada masa akan datang melalui pelaksanaan projek-projek pembekalan elektrik yang sedang giat dijalankan di seluruh Sabah. Dalam hal ini, kerjasama yang padu daripada semua

pihak termasuk Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Bukan Kerajaan adalah ditagih bagi bersama-sama membantu Kerajaan Pusat dan SESB bagi menjayakan projek-projek yang telah dirancang itu untuk meningkatkan bekalan elektrik yang mencukupi dan berdayaharap di Negeri Sabah.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA                  TUAN HAJI AB. AZIZ BIN AB KADIR  
                                  [KETEREH]**

**TARIKH                  27 JUN 2012**

**SOALAN**

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah cadangan penyelesaian Kerajaan bagi mengatasi jumlah pengangguran jururawat terlatih kesan daripada jumlah penawaran yang jauh melebihi permintaan khususnya yang dilatih oleh IPTS.

**Tuan Yang Di-Pertua**

Jumlah Institusi yang melaksanakan latihan diploma kejururawatan di Malaysia adalah sebanyak 88 buah. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai 16 Institusi latihan dengan kapasiti pengeluaran seramai

SOALAN NO : 81

8,631 orang pada tahun 2011. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sebanyak 7 buah dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sebanyak 65 buah dengan kapasiti pengeluaran masing-masing IPTA - 635 orang dan IPTS - 11,415 orang .

Dari tahun 2009 hingga tahun 2011 dari Kolej-kolej di KKM seramai 8,529 pelatih menduduki peperiksaan dan yang lulus 8,409 (97%). bagi IPTA jumlah calon yang menduduki peperiksaan 1,878 orang dan telah lulus 1,708 (91%) telah lulus. Dalam tempoh yang sama Institut Pengajian Tinggi Swasta, seramai 25,791 calon yang telah menduduki peperiksaan Lambaga Jururawat Malaysia dan dari jumlah tersebut seramai 19,555 (75%) calon telah lulus.

Mengikut semakan dari Sistem Pengurusan Maklumat Jururawat (SPMJ) didapati dari tahun 2009 hingga Disember 2011, seramai 29,842 graduan jururawat yang telah lulus berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM). Dari jumlah tersebut seramai 18,247 orang telah memohon Sijil Perakuan Pengamalan Jururawat Tahunan (APC) ini menunjukkan mereka bekerja dalam negara. Dari tahun 2009 hingga 2011 seramai 2,741 orang jururawat memohon bekerja ke luar Negara, dari jumlah ini 1,020 orang adalah jururawat baru. Berbaki seramai 8,854 orang tidak bekerja dan dari jumlah ini seramai 325 adalah graduan baru yang memohon pengekalan nama. 8,529 orang tidak diketahui status mereka kerana mereka ini tidak memohon pengekalan nama atau APC (kemungkinan mereka ini menggangur atau bekerja dibidang lain dari kejururawatan)

**Tuan yang Dipertua,**

Mengikut *World Health Organization* (WHO) keperluan jururawat berbanding populasi penduduk adalah seorang jururawat kepada 200 penduduk (1:200). Pada masa ini jumlah keseluruhan jururawat terlatih di Malaysia adalah seramai 79,552 orang dengan nisbah 1:377 orang

penduduk. Pada masa ini jumlah jururawat terlatih berdaftar yang berkhidmat di sektor kerajaan adalah seramai 45,245 orang dan yang berkhidmat di sektor bukan kerajaan dianggarkan seramai 34,307 orang.

Pada tahun 2020 jumlah penduduk di Malaysia dianggarkan 34 juta orang, oleh itu untuk mencapai sasaran 1:200 negara memerlukan seramai seramai 170,000 orang jururawat terlatih berdasarkan tahap pengeluaran sekarang, nisbah ini hanya akan dicapai dalam tahun 2026

Kementerian amat perihatin atas masalah yang dihadapi oleh graduan jururawat yang masih belum mendapatkan pekerjaan sebagai jururawat. Langkah atau tindakan pihak Kementerian dalam menangani masalah ini adalah seperti berikut:-

- i. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Lembaga Jururawat Malaysia telah mengadakan kerjasama dengan Agensi Pengambilan Tenaga Kerja Jururawat dalam dan luar negara, melalui *Mutual Recognition Agreement (MRA)* dengan negara-negara ASEAN dan persefahaman yang diwujudkan bersama Lembaga Jururawat Malaysia dan Nursing Council di negara berkenaan. Ini dapat memberi peluang jururawat mendapat kerja di luar negara contohnya di Singapura dan Brunei serta di negara-negara timor tengah.
- ii. Mengadakan perbincangan dengan Persatuan Hospital-hospital Swasta dan mencadangkan supaya mereka mengambil graduan jururawat dari kolej swasta tanpa meletakkan syarat “mesti mempunyai pengalaman bekerja terlebih dahulu”;

- iii. Dalam pada itu, pihak swasta juga disarankan mengambil peluang daripada sumber manusia terlatih ini untuk memacu industri perkhidmatan kesihatan yang berpotensi tetapi belum meluas seperti:
1. Jagaan perawatan dirumah (Home Care Nursing)
  2. Jagaan Paliatif
  3. Jagaan perawatan kepakaran (Specialise Care)
  4. Jagaan Pos Natal
  5. *Postnatal Services (Private)*
  6. *Nursery*
  7. *Old Folk Homes*
  8. *Nurse coordinator for chronic diseases*
  9. *Haemodialysis Centre*
  10. Pusat jagaan Keperluan Istimewa.

Selain itu terdapat juga langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal pengeluaran graduan jururawat:

- Mengadakan moratorium bersama Kementerian Pengajian Tinggi dan MQA bagi kursus diploma kejururawatan bermula pada Julai 2010
- Meningkatkan syarat kelayakan kemasukan dari 3 kredit kepada 5 kredit bermula 31 Julai 2010.

Tindakan ini telah menunjukkan kesan dengan penurunan jumlah pengambilan pelatih oleh IPTS iaitu seramai 12863 pada tahun 2009, 8484 bagi tahun 2010 dan pada tahun 2011 adalah seramai 3156.

SOALAN NO: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]

TARIKH 27 JUN 2012

SOALAN :

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa banyakkah setiap MP telah diberi peruntukan bagi setiap Kawasan Parlimen. Beri pecahan untuk Ipoh Barat bagi tahun 2004, tahun 2012 dan senaraikan dengan terperinci untuk siapa dan projek-projek dan wang yang disalurkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

JAWAPAN:

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen diluluskan kepada semua kawasan Parlimen di negara ini. Kadar peruntukan ini adalah berdasarkan keputusan oleh YAB Perdana Menteri yang akan ditentukan pada setiap awal tahun.

Pada tahun 2004, sebanyak 40 program/projek/sumbangan/perbekalan bernilai RM600,000.00 telah diluluskan bagi kawasan Parlimen Ipoh Barat. Sementara bagi tahun 2012 iaitu sehingga 4 Jun 2012, sebanyak 8 projek/bantuan bernilai RM32,747.20 telah diluluskan. Program/projek tersebut merupakan permohonan yang diterima daripada pelbagai pihak seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sebagainya.

Ringkasan program/projek yang telah diluluskan di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen Ipoh Barat pada tahun 2004 dan 2012 (sehingga 4 Jun 2012) adalah seperti Lampiran 1.

## LAMPIRAN 1

mi	KAmmm	2004		mit {satnng^& 4 iwhll t }		mm mi	SUM m\$(m4)
		ill	msinm}	if L	ms{nm <i>i</i>		
i	JALAN * Jalan Kampung Tersusun Satu 5, Tambun	0	~	1	8,747.20	1	8,747.20
2	MENAIKTARAF SEKOLAH * SiKfC/Bercham * SJK(C)St,Michael& All Angels * SJK(C) Kg.Tawas	3	30,000.00	0		3	30,000.00
3	MEMBAIKI DEWAN S E K O LAH/S E R BAG UNA	3	50,000.00	0	-	3	30,000.00
4	PROGRAM SOSIAL/SUKAN/KEBUDAYAAN * Aktiviti Persatuan Penduduk * Program P emu! eh an Darfah	2.0	440,700.00	0	*	20	440,700.00
s	MENAIKTARAF GELANGGANG SUKAN * Geianggang KeranjangdiKgBertham	1	5,000.00	0	-	1	5,000.00
6	PEMBEKALAN BARANGAN {peralatan elektrik dan sukan, Denghawadingin*	1	8,500.00	1	5,000.00	2	13,50000
7	BANTUAN/SUMBANGAN NGO * New Horizons Society * Persatuan Thalessmrnia Perak * Persatuan Pengkaji Refleksok>gi Perak * RTTaman Pertama Fasa 11 * Kesatusn .Kebangsaan Guru-GuruBessr Malaysia * Pusat Sumber Taman Loke Lsm * Persatuan Rekreasi Dan Sosial Bagi Crang- Orang Sstimewa * Persatuan Kekompenan Penjaga JenteraDan Pendawai Elektrik Perak * Jawatarfuusa Keselamatan Psion Lamajpoh * PersatuanPenghuni-Penghuni Sungai Pari,8ur?tong * JawatankuasaKabaj&an Kansk-Kan3k KawasanSgTapah Ipoh * KelabSeri PerakDanjS Ridzusn * Kesatuan Remand u-Pemandu Kenderaan Bermotor Kerajaan Negeri Perak * Ke la b KesumaSuk Perak * Pertubuhan Informasi 5Siam Negeri PefBk * Kelab De»van PerniagaanMeiayu Malaysia Negeri Perak	12	85,800.00	6	19,000.00	IS	104,800.00
J UMPIAH mMmmmm		40	GQQAKHWO	3		m	

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN**                           **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**                           **DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM**  
**TARIKH**                               **27 JUN 2012 (RABU)**  
**SOALAN**

NO. 83

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah pelajar mengikut kaum yang dapat keputusan cemerlang dikecualikan daripada bayaran balik pinjaman JPA/PTPTN/MARA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pinjaman boleh ubah (pengecualian bayaran balik) telah diperkenalkan oleh PTPTN mulai tahun 2003. Tetapi akibat kedudukan kewangan PTPTN yang terhad, dasar ini telah dimansuhkan mulai permohonan pinjaman bagi pelajar sesi kemasukan Julai 2005 (1 Julai 2005).

Namun, atas keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar yang cemerlang di IPT, maka semasa sesi pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan supaya pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN ditukar kepada biasiswa. Insentif ini adalah bagi pelajar yang berjaya menamatkan

pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan memperolehi Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya bermula tahun 2010. Langkah memperkenalkan semula dasar pengecualian bayaran balik pinjaman/pembayaran PTPTN ini menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap usaha melahirkan modal insan yang berilmu, galakan kepada peminjam untuk fokus kepada pengajian serta hasrat Kerajaan untuk memberi ganjaran kepada peminjam yang cemerlang dalam pendidikan.

Sehingga 30 April 2012, sebanyak 12,529 peminjam telah mendapat manfaat daripada dasar ini yang melibatkan amaun pengecualian bayaran balik pinjaman/pembayaran PTPTN berjumlah RM359,260,462. Daripada jumlah ini seramai 9,293 peminjam atau 74.2% kaum Cina, 2,608 peminjam atau 20.8% Melayu, 476 peminjam atau 3.8% India, 51 peminjam atau 0.4% Bumiputra Sabah, 39 peminjam atau 0.3% Bumiputra Sarawak, dan 62 peminjam atau 0.5% lain-lain kaum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran pengajian JPA dan MARA adalah masing-masing terletak di bawah bidang kuasa JPA dan MARA.

SOALAN NO: 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH 27 JUN 2012**

**SOALAN**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan senarai 10 syarikat terbesar dalam sektor kesihatan mengikut bilangan katil hospital mereka. Senaraikan bilangan katil yang dippunyai oleh tiap syarikat ini.

**Tuan Yang di-Pertua**

Hospital swasta perlu berlesen dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaras dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.

Sehingga 15 April 2012, bilangan hospital kerajaan di bawah KKM adalah 138 buah dengan jumlah kapasiti sebanyak 38,394 katil. Manakala, bilangan hospital swasta berlesen adalah 223 buah dengan jumlah kapasiti sebanyak 13,312 katil.

Merujuk kepada rekod hospital swasta berlesen di Bahagian Amalan Perubatan, KKM, 10 syarikat terbesar dalam sektor kesihatan mengikut kapasiti adalah seperti berikut:

1. **KPJ Group Hospitals** mempunyai 19 buah hospital dengan jumlah kapasiti 2,678 Katil.
2. **Pantai Group Hospitals** mempunyai 8 buah hospital dengan jumlah kapasiti 1,181 Katil.
3. **Sime Darby Group Hospitals** mempunyai 2 buah hospital dengan jumlah kapasiti 663 Katil.
4. **Columbia Asia Group Hospitals** mempunyai 11 buah hospital dengan jumlah kapasiti 543 Katil.
5. **Gleneagles Group Hospitals** mempunyai 2 buah hospital dengan jumlah kapasiti 528 Katil.
6. **Hospital Lam Wah Ee** dengan sebuah hospital dengan jumlah kapasiti 442 Katil.
7. **Mahkota Medical Centre Sdn. Bhd.** dengan sebuah hospital dengan jumlah kapasiti 356 Katil.

8. Assunta Hospital dengan sebuah hospital dengan jumlah kapasiti 344 Katil.
9. Sunway Medical Centre Berhad dengan sebuah hospital dengan jumlah kapasiti 342 Katil.
10. Putra Group Hospitals mempunyai 2 buah hospital dengan jumlah kapasiti 293 Katil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED**

**JAAFAR ALBAR**

**TARIKH                    27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN**

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah kenaikan kebankrapan terkini dikalangan individu, usahawan dan syarikat dan adakah ia boleh menjaskankan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi, Model Ekonomi Baru dan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

## MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2012 bermula daripada bulan Januari sehingga Mei, sebanyak 8,178 kes kebankrapan telah didaftarkan. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 0.7% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2011. Trend kebankrapan secara tahunan bagi tempoh lima tahun pula diterangkan seperti berikut:

Tahun	W'.; Jumlah • Kebankrapan ^	Trend Peningkatan (+) / y : Penurunan (-)
2007	13,238	-
2008	13,855	(+)104.7%
2009	16,228	(+)117.1%
2010	18,119	(+)111.7%
2011	19,167	(+)105.8%

Seramai 1,075 (13.1%) individu bankrap pada tahun ini (Januari-Mei) melibatkan golongan usahawan/peniaga. Jumlah tersebut telah menunjukkan penurunan sebanyak 22.2% jika dibandingkan dalam tempoh yang sama pada tahun 2011. Perbandingan jumlah usahawan/peniaga yang bankrap mengikut tahun bagi tempoh lima tahun diterangkan seperti berikut:

Tahun	Jumlah Usahawdn/Peniaga Bankrap	Trend Peningkatan(+) / Penurunan(-)
2007	618	-62.8%
2008	1,033	+40.2%
2009	1,808	+75.0%
2010	3,246	+79.5%
2011	2,729	-15.9%

Bagi kes penggulungan syarikat bagi bulan Januari hingga Mei tahun 2012 telah mencatatkan jumlah sebanyak 736 kes dan jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2011. Trend penggulungan syarikat secara tahunan bagi tempoh lima tahun diterangkan seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penggulungan	Trend Peningkatan(+) / Penurunan(-)
2007	903	+20.4%
2008	1384	+53.3
2009	1656	+19.7
2010	1619	-2.2
2011	1540	-4.9

Trend insolvensi bagi individu dan syarikat seperti yang dinyatakan tidak akan menjaskan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi, Model

Baru dan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi, Model Baru dan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi tercapai, Mdl juga telah mengambil tindakan melaksanakan inisiatif pembaharuan undang-undang insolvensi melalui Rang Undang-Undang Insolvensi yang menyatukan peruntukan undang-undang insolvensi individu dan insolvensi korporat antara lain akan memperkenalkan mekanisma penyelamat bagi memberi peluang kedua kepada individu dan syarikat yang berpotensi dan masih *viable* untuk tidak terus menjadi bankrap atau digulungkan. Selanjutnya pemakaian piawaian insolvensi antarabangsa juga akan turut diperkenalkan selaras dengan keperluan di bawah *Report on the Observance of Standards and Codes for Insolvency Debtor/Creditor Regimes (ROSC ICR)* yang dinilai oleh Bank Dunia yang bertujuan untuk mempertingkatkan daya saing syarikat-syarikat tempatan dan menyediakan satu suasana untuk menyokong perniagaan.

Sekian, terima kasih.



Soalan No : 86

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA  
ANYAAN

PE  
RT

LISA  
N

**Y.B. DATO' NORAINI BINTI  
AHMAD [ PARIT SULONG ]**

TARIKH

**27 JUN 2012**

**SOALAN:**

**Y.B. Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan

- (a) pihak Kementerian bersedia untuk mengkaji waktu persekolahan sekolah rendah dan sekolah menengah agar selari dengan waktu kerja pejabat kerana ia boleh membantu dalam menyumbang masalah penjagaan anak-anak bagi ibu bapa yang bekerja; dan
- (b) berapa banyak sekolah-sekolah yang masih mengadakan dua sesi persekolahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memang berhasrat untuk menjadikan semua sekolah di negara ini sebagai sekolah satu sesi. Dengan pelaksanaan persekolahan satu sesi ini, murid-murid mendapat peruntukan masa yang lebih untuk melaksanakan aktiviti akademik dan kurikulum. Di samping itu, *contact time* antara guru dan murid dapat dipertingkatkan dan ini membantu proses pembelajaran serta proses pembentukan manusia yang seimbang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun KPM berhadapan dengan beberapa

masalah serta kekangan untuk melaksanakan sekolah satu sesi.

Antaranya;

- i. peruntukan yang tinggi untuk menambah bilangan bilik darjah;
  - ii. masalah pengambilan tanah untuk membina bangunan tambahan, terutama di kawasan bandar.
  - iii. kawasan sekolah yang terlalu kecil yang tidak boleh menampung bilangan murid yang ramai; dan
  - iv. masalah yang dihadapi kepada murid yang mengikuti Sekolah Agama yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri.
- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2012, jumlah sekolah di seluruh negara yang melaksanakan persekolahan dua sesi (pagi dan petang) adalah sebanyak 1,519 buah. Daripada jumlah tersebut, 751 buah adalah sekolah rendah dan 768 buah sekolah menengah.

9687

NO  
SOALA  
N :

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** **Y.B. TUAN IR. HAJI HAMIM BIN  
SAMURI (LEDANG)**

**PERTANYAAN** **LISA  
N**

**TARIKH** **27.06.2012**

**Y.B. TUAN IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [ LEDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana Bumiputera dan Melayu menggunakan perkhidmatan Bank Islam sama ada dalam bentuk simpanan dan transaksi lain. Apakah matlamat penubuhan Bank Islam sudah tercapai dan bagaimana pula sambutan dari rakyat bukan Islam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua f

Untuk makluman Yang Berhormat, matlamat asal penubuhan sistem perbankan Islam di Malaysia yang diperkenalkan sejak 30 tahun yang lalu adalah bagi memenuhi keperluan terhadap transaksi kewangan patuh Syariah di kalangan masyarakat, terutamanya yang beragama Islam. Matlamat ini berjaya direalisasikan sehingga produk perbankan Islam diterima pakai oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa.

2. Sehingga bulan Mac 2012, terdapat lebih daripada 300 jenis produk perbankan Islam berdasarkan pelbagai variasi kontrak patuh Syariah di pasaran Malaysia yang meliputi produk-produk perbankan runcit, perbankan korporat dan pembiayaan mikro. Sistem perbankan Islam kini melangkaui matlamat asal dan menawarkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang

komprehensif, berdaya saing dan memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan tempatan mahupun antarabangsa.

3. Selain daripada perbankan Islam, komponen-komponen lain dalam sistem kewangan Islam juga menunjukkan perkembangan yang amat memberangsangkan. Daripada segi pasaran modal Islam, Sukuk kekal menjadi mod pilihan bagi pengumpulan dana di Malaysia dan mencakupi 58% daripada pasaran sekuriti hutang swasta pada tahun 2011, berbanding dengan hanya 37% pada tahun 2002. Pasaran Sukuk juga menerima sambutan yang menggalakkan daripada para pelabur konvensional. Sebagai contoh, Sukuk Global Wakalah yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia telah mencatat sebanyak 22% langganan daripada bank-bank konvensional dan syarikat insurans. Ini mencerminkan penerimaan yang universal terhadap produk kewangan Islam. Penerimaan yang menyeluruh terhadap kemapanan sistem kewangan Islam juga diterjemahkan melalui penglibatan bank-bank konvensional dan syarikat-syarikat insurans yang dimiliki oleh golongan bukan Bumiputera dalam sistem kewangan Islam, sama ada melalui penubuhan anak syarikat atau penglibatan langsung melalui Skim Perbankan Islam (*Islamic window*).

4. Sistem kewangan Islam telah berkembang maju dan kini dikenalpasti oleh Kerajaan sebagai salah satu daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Menjelang tahun 2020, sistem kewangan Islam dijangka bakal menyumbang peningkatan pendapatan negara kasar (PNK) sebanyak RM7.2 bilion dan mewujudkan 12,000 pekerjaan terutamanya dalam aktiviti perbankan Islam. Malaysia kini merupakan salah satu negara yang mempunyai tahap rangkuman (*financial inclusion*) yang tertinggi di dunia berdasarkan penunjuk rangkuman kewangan pada tahun **2011**:

- (i) 1.7 lokasi akses setiap 10,000 orang dewasa pada peringkat kebangsaan;
- (ii) 30,355 akaun deposit setiap 10,000 orang dewasa; dan
- (iii) 8,949 akaun pinjaman setiap 10,000 orang dewasa.



5. Sebagai komponen penting dalam arus perdana sistem kewangan Malaysia, sektor kewangan Islam telah menyumbang secara langsung terhadap perkembangan ini.

- (i) jumlah deposit perbankan Islam sehingga bulan Mac 2012 mencakupi 24.6% daripada jumlah keseluruhan deposit perbankan berbanding 9.9% pada tahun 2002;
- (ii) manakala pembiayaan Islam pula mencakupi 24.5% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan sektor perbankan berbanding 8.2% pada tahun 2002;
- (iii) sejumlah 2,855 cawangan institusi perbankan (termasuk 708 cawangan institusi pembangunan kewangan) menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di seluruh negara;
- (iv) bagi industri takaful, seramai 106,072 orang ejen takaful berdaftar mewakili 12 syarikat takaful sedia ada di seluruh negara; dan
- (v) sehingga bulan Disember 2011, sistem perbankan Islam menyumbang 7.4 peratus daripada jumlah tenaga kerja dalam sektor perbankan di Malaysia.

Pencapaian ini adalah satu gambaran bahawa perbankan Islam merupakan model kewangan yang berdaya saing dan memenuhi keperluan perkhidmatan kewangan segenap lapisan masyarakat di Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA  
ANYAAN

PE  
RT

LISA  
N

**Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA  
LINGGI [ KAPIT ]**

TARIKH

**27 JUN 2012**

**SOALAN:**

**Y.B. Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apa sebenarnya konsep sistem pendidikan atau pelajaran 'from cradle to career' dari Negara United State (US) seperitimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk bakal digunakan di Malaysia

**Jawapan**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep "*from cradle to career*"<sup>1</sup> ini telah dipelopori Dr. Nancy Zimpher, Canselor State University of New York (SUNY). Konsep ini adalah untuk mengenalpasti kecenderungan seseorang kanak-kanak dari mula memasuki pusat penjagaan kanak-kanak sehinggalah kanak-kanak tersebut berjaya ke peringkat universiti/kolej/alam pekerjaan.

Konsep ini akan membantu seseorang murid memasuki alam persekolahan dengan persiapan rapi dalam mengurangkan perbezaan kejayaan di dalam akademik. Ia merangkumi penglibatan komuniti dan keluarga dalam membantu seseorang murid mencapai kecemerlangan akademik sehinggalah ke alam pekerjaan. Konsep ini juga akan membantu mengenalpasti kebolehan dan kemampuan seseorang murid dari kecil lagi.

Sememangnya apa yang disarankan di dalam konsep ini, sebahagian besar sudahpun dilaksanakan oleh pihak KPM. Contohnya pendidikan prasekolah seawal usia 5+ tahun sehingga murid tersebut ke alam pekerjaan. Di mana KPM sudahpun melakukannya melalui Transformasi Pendidikan Vokasional dalam menyediakan murid-murid yang berkelayakan dalam bidang kemahiran.

Walau bagaimanapun, pihak KPM bersedia untuk memberi penumpuan dan penelitian yang mendalam sekiranya konsep ini dikenalpasti dapat membantu sistem pendidikan negara melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara, tanpa membelakangkan prinsip Rukun Negara.



SOALAN NO: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISAN**

**KAWASAN**

**YB. TUAN DING KUONG HUNG SARIKEI**

**TARIKH**

**27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN:**

YB. TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan rancangan Kementerian meluluskan dan melebarkan bahu jalan dari Bukit Kayu Hitam hingga ke Jambatan Jakar, Sarikei sedangkan status sepanjang jalan raya (Lebuhraya Pan Borneo) adalah bahaya. Nyatakan juga jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk menambahbaikkan sepanjang jalan ini sahaja dari tahun 2008 hingga sekarang.

**JAMAIKAN:** Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sememangnya memberikan keutamaan bagi meningkatkan kualiti jalan perhubungan darat di Sarawak, khususnya Jalan Persekutuan Pan-Borneo. Ini termasuklah laluan daripada Sarikei ke Pekan Jakar dan seterusnya ke Betong sepanjang lebih kurang 100 kilometer. Cadangan menaik taraf laluan tersebut telah dikenal pasti melalui Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP), Fasa 2 untuk Negeri Sabah dan Sarawak (2010) di mana ia merupakan sebahagian daripada jajaran Jalan Persekutuan Pan Borneo Negeri Sarawak yang akan dinaikkan taraf secara berperingkat sehingga tahun 2025.

Walaupun begitu, untuk jangka pendek Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM423 juta dalam RMKe-10. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM50 juta diperuntukkan pada tahun ini (2012) bagi melaksanakan projek-projek yang memberikan impak kepada pengguna Jalan Pan Borneo di Sarawak. Skop projek tersebut ialah membaiki turapan jalan, membina lorong memotong, meninggikan aras jalan dan menaik taraf lokasi yang sering berlaku kemalangan (*blackspot*). Di Sarikei, projek yang terlibat ialah cadangan pembinaan lorong memotong di KM. 435 Jalan Sarikei-Betong dengan kos projek sebanyak RM3 juta, dan projek menaik taraf lokasi *blackspot* di KM427 melibatkan kos sebanyak RM500,000. Pada masa kini

**JAWAPAN:**  
proses perolehan untuk kedua-dua projek itu sedang di peringkat akhir  
dan pembinaan

fizikal dijangka akan dimulakan selewat-lewatnya sebelum bulan Ogos 2012 .

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 3 tahun terakhir ini, Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan program menaik taraf lokasi *blackspot* di 3 lokasi jalan Sarikei - Betong, iaitu di KM. 421, KM. 424 dan KM. 429. Keseluruhan projek tersebut melibatkan kos sebanyak RM1.5 juta. Di samping itu, sebanyak RM1.3 juta lagi telah dibelanjakan bagi meningkatkan ciri-ciri keselamatan jalan Sarikei - Betong dan ia telah disiapkan pada bulan Februari 2012 lalu. Manakala di bawah program penyelenggaraan jalan Persekutuan pula, sebanyak RM4.8 juta disediakan pada tahun 2012 ini bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di laluan berkenaan, melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan rutin dan berkala.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO: 90**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN**

**TARIKH: 27 JUN 2012**

**SOALAN:**

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menetapkan gaji minimum untuk profesional sektor swasta seperti jurutera mekanikal, elektrik dan sivil yang dibayar gaji hanya RM2,000.00 sebulan berbanding jurutera di sektor Kerajaan yang dibayar gaji minima RM2.800.00 sebulan.

PR-1252-L49693

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, gaji minimum adalah gaji paling rendah yang patut dibayar oleh majikan kepada pekerja sama ada mengikut jam, hari atau bulan.
2. Selain itu objektif gaji minimum antara lainnya adalah bertujuan untuk memastikan keperluan asas pekerja dan keluarganya dipenuhi.

|

Oleh itu, gaji minimum tidak sesuai ditetapkan mengikut kategori pekerjaan secara bertingkat-tingkat sebagaimana cadangan YB Hulu Terengganu.

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini juga, di kebanyakan negara di dunia yang melaksanakan gaji minimum, ia ditetapkan sebagai gaji lantai (*floor wage*) untuk golongan pekerja berpendapatan rendah sahaja.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

**PERTANYAAN** LISAN

**TARIKH** 27JUN 2012 [ RABU ]

**DARIPADA** Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN]

**SOALAN :**

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah jemaah haji yang menunaikan fardhu haji pada tahun 2011 berbanding tahun-tahun sebelumnya.

**JAWAPAN :** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'  
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2011, seramai 27,900 rakyat Malaysia telah menunaikan fardu haji. Ini merupakan peningkatan berbanding jumlah bilangan 26,000 jemaah haji pada tahun-tahun sebelumnya.

Peningkatan ini adalah berdasarkan kepada peningkatan daftar perangkaan penduduk negara Malaysia pada Daftar Penduduk Dunia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, daripada 26 juta kepada 27.9 juta orang.

Dimaklumkan juga, bahawa Kouta Haji yang ditetapkan oleh Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) adalah berasaskan 0.1% dari jumlah penduduk sesebuah negara.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN:**

**92 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

**LISAN**

**DARIPADA                    YB DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB [ LANGKAWI ]**

**TARIKH                    27 JUN 2012**

**SOALAN**

**Y.B. Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek Northern Corridor Economic Region (NCER) yang dijalankan di Langkawi yang memberi manfaat terus kepada penduduk tempatan. Nyatakan bilangan projek dan jumlah penduduk yang terlibat serta jumlah kosnya.

**JAWAPAN:**

Projek-projek yang dijalankan di Pulau Langkawi terbahagi kepada dua (2) segmen iaitu pelaburan dan pembangunan modal insan.

Bagi segmen pelaburan, ianya melibatkan satu (1) pelaburan dalam sektor pelancongan iaitu perhotelan dan tiga (3) sektor pertanian iaitu akuakultur. Bagi kedua-dua sektor tersebut ianya melibatkan pelaburan sebanyak RM 324.7 juta serta memberi 368 peluang pekerjaan dan 70 peluang perniagaan.

Dalam pembangunan modal insan pula, NCER telah bekerjasama dengan lima (5) buah hotel di Pulau Langkawi untuk melaksanakan program-program seperti program *up-skilling* untuk tenaga kerja sedia ada, program *internship* untuk para graduan serta program *pre-skilling* untuk pelajar lepasan sekolah. Ianya melibatkan seramai 505 peserta dan peruntukan sebanyak RM 1.2 juta.

Oleh yang demikian, jumlah peruntukan yang disediakan untuk pembangunan di Pulau Langkawi sehingga kini adalah sebanyak RM 27.1 juta dan akan menjana nilai pelaburan sebanyak RM 297.6 juta.

SOALAN NO: 96

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN  
TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM**

**DARIPADA**

**[ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH**

**27 JUN 2012 (RABU)**

**SOALAN**

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengenai pemberian komputer 1 Malaysia sejak tahun 2011:-

- (a) jumlah yang telah rosak, dikembalikan semula dan bilangan yang telah digantikan ; dan
- (b) jumlah yang dijual kepada pihak lain, serta langkah yang telah diambil.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Penerima Komputer 1 Malaysia amnya dan pelajar sekolah khususnya mendapat banyak manfaat dan faedah daripada Program Komputer 1 Malaysia ini. Komputer yang dibekalkan dapat digunakan bagi membantu memudahkan dan mempercepatkan pelajar mendapatkan maklumat

## SOALAN NO: 96

menerusi perkhidmatan jalur lebar. Maklumat yang diperolehi oleh para pelajar ini dapat digunakan bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti di samping dapat mendedahkan pelajar kepada pengetahuan teknologi maklumat. Disamping itu, Program ini juga turut membantu meningkatkan kemahiran ICT dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Setakat ini, daripada 638,925 unit Komputer 1 Malaysia yang telah dibekalkan ke seluruh negara, terdapat sebilangan kecil komputer sahaja yang mempunyai masalah menyebabkan ia tidak dapat berfungsi dengan baik. Namun, perkara ini masih berada di tahap yang minimum dan terkawal. Sehubungan itu, laporan yang menyatakan sejumlah satu juta komputer dalam keadaan rosak dan tidak berfungsi diagihkan kepada pelajar adalah tidak benar sama sekali.

Semua Komputer 1 Malaysia yang dibekalkan mempunyai tempoh jaminan selama setahun. Sekiranya penerima menghadapi sebarang masalah kerosakan perkakasan atau perisian, penerima boleh terus menghantar komputer tersebut ke pusat servis yang berdekatan. Tiada kos pembaikan yang dikenakan kepada penerima di sepanjang tempoh setahun jaminan tersebut. Sekiranya terdapat komputer yang rosak dan tidak dapat berfungsi sepenuhnya semasa diagihkan, penukaran serta merta dengan unit yang baru akan dibuat.

Setakat ini, Kementerian belum pernah menerima sebarang aduan dan maklumat rasmi berkaitan penjualan Komputer 1 Malaysia. Pemantauan berterusan dengan kerjasama SKMM, pihak sekolah dan ibubapa sentiasa dilaksanakan bagi memastikan perkara ini tidak berlaku.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA            YB DATO' SERI MOHD. RADZI  
                          BIN SHEIKH AHMAD [ KANGAR ]**

**TARIKH              27 JUN 2012**

**SOALAN**

Dato<sup>1</sup> Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [ Kangar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah jawatan kepada Penasihat NCER diwujudkan dan adakah jawatan tersebut bergaji dan mendapat kemudahan lain seperti pejabat, staff dan kenderaan. Jika ya, sila beri butir-butir berkaitan. Apakah tugas dan tanggungjawab Penasihat NCER ini.

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melantik secara kontrak YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim sebagai Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri mengenai Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) mulai 22 September 2008 hingga 21 September 2012 dengan bayaran perkhidmatan berjumlah RM23,020.00 sebulan. Beliau telah diperuntukkan dengan seorang

NO. SOALAN: 95

Pegawai Khas, seorang Pembantu Setiausaha Pejabat, sebuah kenderaan Proton Perdana dengan seorang pemandu lantikan sendiri dan diperuntukkan ruang pejabat di Pejabat Perdana Menteri. Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri Mengenai NCER adalah bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat kepada YAB Perdana Menteri berkaitan isu-isu pelaksanaan dan pembangunan inisiatif Wilayah Ekonomi Koridor Utara.



NO. SOALAN: 96

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISAN**

**DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**

**TARIKH**

**[HULU LANGAT]**

**27.06.2012 (RABU)**

**DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah bagi memastikan harga barang makanan utama tidak dinaikkan dengan sewenangnya oleh pembekal dan peruncit.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah yang diharap dapat membantu mengawal kenaikan harga barang keperluan harian yang menjadi beban kepada rakyat.

Antaranya adalah Kerajaan telah menyediakan peruntukan subsidi yang besar iaitu hampir mencecah RM20 bilion untuk tahun 2012 bagi memastikan kestabilan harga barang keperluan asas utama iaitu gula, tepung gandum kegunaan am, minyak masak sawit campuran, beras super tempatan 15% hancur dan bahanapi petrol RON95, diesel serta gas memasak. Kontrak jangka panjang (2012 hingga 2014) bekalan gula mentah turut membantu membendung kenaikan harga gula di Malaysia.

Kementerian juga menerima peruntukan berjumlah RM200 juta bagi tahun 2012 bagi meneruskan pelaksanaan Program Penyeragaman Harga iaitu menanggung kos pengedaran gula, tepung gandum kegunaan am, minyak masak sawit campuran, beras super tempatan 15% hancur dan bahanapi petrol RON95, diesel serta gas memasak. Program ini bertujuan membantu rakyat di luar bandar dan pedalaman untuk turut mendapat faedah subsidi dan boleh membeli barang kawalan pada harga seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Kementerian ini turut melaksanakan Program Pemantauan Harga dengan melantik secara kontrak sejumlah 1,314 Pegawai Pemantau Harga (PPH) yang berperanan sebagai mata dan telinga dalam memantau harga dan bekalan barang seterusnya melaporkan aliran harga dan situasi bekalan barang untuk tindakan kementerian menangani sebarang isu harga atau masalah bekalan barang.

**Tuan Yang Dipertua,**

Portal 1 Malaysia Pengguna Bijak telah diwujudkan yang menawarkan modul bagi membolehkan para pengguna membandingkan harga barang antara premis seperti pasar basah awam, pasaraya besar dan pasar mini bagi merancang perbelanjaan.

Menerusi portal ini pengguna juga boleh membuat aduan sekiranya timbul isu berhubung kenaikan atau penipuan harga selain ianya memaparkan informasi mendidik pengguna agar menggunakan hak dan kuasa mereka sebagai pengguna dengan bijak.

Kementerian turut menjalankan pemeriksaan premis perniagaan secara berkala dan tindakan penguatkuasaan turut diambil dibawah peruntukan

kuasa Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan, Akta Perihal Dagangan dan Akta Timbang dan Sukat. Selain itu, Akta Anti Persaingan yang berkuatkuasa sepenuhnya pada Januari 2012 bertujuan memastikan persaingan yang sihat wujud di dalam pasaran ekonomi negara. Ini memberi manfaat kepada pengguna dari segi kepelbagaiannya pilihan dan harga yang kompetitif.

**Tuan Yang Dipertua,**

Inisiatif lain yang telah memberi impak dalam usaha membendung kenaikan harga adalah perwujudan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M). Penubuhan KR1M telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan kerana menawarkan produk berkualiti pada harga yang lebih murah. Harga barang yang dijual di KR1M telah ditetapkan antara 30% hingga 40% lebih rendah berbanding barang berjenama. Sehingga kini, terdapat 260 produk telah dijual di KR1M. Program Menu Rakyat 1 Malaysia (MR1M) turut diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif kerajaan bagi memastikan harga makanan sedia masak khususnya menu sarapan pagi dan makan tengahari ditawarkan pada harga berpatutan.

Bagi memastikan peniaga tidak menaikkan harga barang dan perkhidmatan sewenang-wenangnya Kementerian telah mengadakan siri rundingan dengan pihak industri yang terdiri persatuan pengilang, pengimpor, pemborong, peniaga, penjaja, pengusaha pasaraya dan restoran secara berterusan.

Penglibatan pasaraya besar dan syarikat-syarikat pengeluar/pengilang barang pengguna serta gedung membeli-belah dalam Kempen Penurunan Harga telah memberi impak besar dalam usaha membendung kenaikan harga barang. Jualan Bersepadu 1 Malaysia (*One Malaysia*

*Unified Sale), Jualan Back to School dan jualan kilang turut diadakan secara berkala setiap tahun.*

Kementerian turut melaksanakan program Anugerah Kedai Pilihan Rakyat 1 Malaysia (dahulunya dikenali sebagai kedai harga patut). Program ini dilaksanakan bertujuan mengenalpasti, menilai dan mengiktiraf premis perniagaan yang menjual barang pada harga yang berpatutan setanding dengan kualiti barang serta perkhidmatan yang ditawarkan.

Salah satu inisiatif Kerajaan untuk menangani kenaikan kos kehidupan adalah melalui pengedaran Produk COOP 1 Malaysia yang dilancarkan pada 27 Oktober 2011. Sehingga kini, terdapat 48 jenis produk COOP 1 Malaysia yang telah dikeluar dan diedarkan kepada koperasi-koperasi. Menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia juga, Kad Coop telah dilancarkan yang membolehkan ahli koperasi menikmati potongan harga ke atas pembelian barang di kedai koperasi. Kementerian ini juga sedang di peringkat akhir perancangan untuk melancarkan Kad Diskaun Pelajar bertujuan membantu mengurangkan kos sara hidup dan pengajian para pelajar di institusi pengajian tinggi. Para pelajar yang menggunakan kad diskau ini boleh mendapat potongan harga ke atas beberapa barang terpilih yang ditawarkan oleh pihak peniaga atau premis yang menyertai program ini.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' JOHARI BIN ABDUL**

**[ SUNGAI PETANI ]**

SOALAN NO: 96

TARIKH                            27 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan

- (a) adakah benar dilaporkan sejumlah satu juta komputer 1 Malaysia telah rosak dan ada yang tidak dapat berfungsi semasa diagihkan kepada pelajar; dan
- (b) berapa jumlah komputer yang telah digantikan dan berapa kos terlibat sejak program ini dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Penerima Komputer 1 Malaysia amnya dan pelajar sekolah khususnya mendapat banyak manfaat dan faedah daripada Program Komputer 1 Malaysia ini. Komputer yang dibekalkan dapat digunakan bagi membantu memudahkan dan mempercepatkan pelajar mendapatkan maklumat menerusi perkhidmatan jalur lebar. Maklumat yang diperolehi oleh para pelajar ini dapat digunakan bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti di samping dapat mendedahkan pelajar kepada pengetahuan teknologi maklumat. Disamping itu, Program ini juga turut membantu meningkatkan kemahiran ICT dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

## SOALAN NO: 96

Setakat ini, daripada 638,925 unit Komputer 1 Malaysia yang telah dibekalkan ke seluruh negara, terdapat sebilangan kecil komputer sahaja yang mempunyai masalah menyebabkan ia tidak dapat berfungsi dengan baik. Namun, perkara ini masih berada di tahap yang minimum dan terkawal. Sehubungan itu, laporan yang menyatakan sejumlah satu juta komputer dalam keadaan rosak dan tidak berfungsi diagihkan kepada pelajar adalah tidak benar sama sekali.

Semua Komputer 1 Malaysia yang dibekalkan mempunyai tempoh jaminan selama setahun. Sekiranya penerima menghadapi sebarang masalah kerosakan perkakasan atau perisian, penerima boleh terus menghantar komputer tersebut ke pusat servis yang berdekatan. Tiada kos pembaikan yang dikenakan kepada penerima di sepanjang tempoh setahun jaminan tersebut. Sekiranya terdapat komputer yang rosak dan tidak dapat berfungsi sepenuhnya semasa diagihkan, penukaran serta merta dengan unit yang baru akan dibuat.

Setakat ini, Kementerian belum pernah menerima sebarang aduan dan maklumat rasmi berkaitan penjualan Komputer 1 Malaysia. Pemantauan berterusan dengan kerjasama SKMM, pihak sekolah dan ibubapa sentiasa dilaksanakan bagi memastikan perkara ini tidak berlaku.



**PARHMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT**

<b>PERTANYAAN DARIPADA</b>	<b>JAWAB LISAN</b> <b>DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN</b> <b>OTHMAN [PENDANG]</b>
<b>TARIKH SOALAN</b>	<b>27 JUN 2012 (RABU)</b> <b>Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]</b> minta <b>MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI AS AS</b> <b>TANI</b> menyatakan peranan Kementerian dalam membantu menaikkan taraf hidup petani mengatasi masalah kenaikan input pertanian kebelakangan ini.

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**

**TANI Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa memberikan bantuan kepada petani, dalam membantu menaikkan taraf hidup mengatasi masalah kenaikan input pertanian. Antara usaha yang dilakukan adalah melalui:

- i. bantuan insentif Pembangunan Tanah Terbiar yang meliputi pembangunan infrastruktur ladang seperti pembersihan kawasan, jalan ladang, sistem saliran dan sistem pengairan serta insentif amalan teknologi dengan kadar maksimum sebanyak RM20,000/ha;
- ii. insentif Teknologi Amalan Pertanian Baik adalah untuk pembangunan industri buah - buahan, sayuran dan tanaman komoditi berpotensi, bunga - bungaan dan industri kopi. Bantuan diberi dalam bentuk benih berkualiti, baja, racun, sistem pengairan, mekanisasi ladang dan pengendalian lepas tuai;
- iii. bantuan dalam bentuk latihan kepada pengusaha industri asas tani dari

aspek pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, pemasaran, pembungkusan

dan pelabelan serta kursus-kursus teknikal termasuk cara-cara memproses produk dan program kawalan kualiti;

- iv. menggalakkan penggunaan baja organik tempatan seperti kompos biasa, vermicompos dan *indigenous micro-organism* (IMO) yang boleh dihasilkan sendiri oleh petani tanpa mengeluarkan kos yang tinggi; dan
- v. pengamalan Pengurusan Perosak Secara Bersepadu (PPB) iaitu kaedah pengurusan tanaman secara kultura, mekanikal, fizikal, biologi dan kimia. Kaedah ini boleh mengurangkan kos racun perosak yang digunakan antara 25% hingga 70% bergantung kepada jenis tanaman dan kompleksiti dalam menghapuskan serangga dan penyakit.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
[PENGERANG ]

**TARIKH** 27 JUN 2012

#### **SOALAN**

**Y.B. Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci berkenaan penempatan baru yang akan dibina untuk mereka yang terlibat dengan projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) Pengerang serta siapakah yang akan dipertanggungjawabkan untuk membayai kos pembinaan infrastruktur dan prasarana di penempatan tersebut seperti sekolah, surau, masjid, hospital dan sebagainya.

#### **JAWAPAN:**

Pembayayaan kos pembinaan infrastruktur dan prasarana adalah ditanggung bersama oleh Kerajaan Negeri (bagi pembangunan berkaitan Masjid dan Kompleks Keselamatan Bersepadu) dan Kerajaan Persekutuan (balai polis, pusat kegiatan komuniti, pembinaan jeti, projek menaiktaraf jalan, tadika KEMAS dan sebagainya

termasuklah kos yang akan ditanggung di bawah Projek NKEA Minyak, Gas dan Tenaga). Manakala sebahagian lagi telah dipersetujui akan ditanggung oleh PETRONAS seperti kos pembinaan sekolah dan klinik kesihatan.



**NO. SOALAN:99**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]**

**TARIKH : 27 JUN 2012**

**SOALAN**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan 1MDB.

**JAWAPAN :**

1MDB diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk menerajui inisiatif ekonomi strategik yang akan menghasilkan pembangunan jangka panjang yang mampan.

1MDB kini sedang giat melaksanakan projek Kuala Lumpur International Financial District, yang kini diperingkat pra-pembinaan. Projek RM26 billion yang mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini, mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global.

Kesan positif yang dibawa oleh KLIFD bukan sahaja kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di hub kewangan antarabangsa itu tetapi ia juga akan membuka peluang-peluang ekonomi baru dan mempertingkatkan daya maju perniagaan-perniagaan di kawasan sekitarnya.

Dari peringkat pembinaan lagi, KLIFD akan membuka banyak peluang perniagaan dan pekerjaan untuk rakyat Malaysia, disamping mengembangkan kemahiran dalam cabang-cabang baru. Apabila ia beroperasi, pusat kewangan antarabangsa berimpak tinggi ini bermatlamat menarik 250 syarikat global terbaik dalam industri perkhidmatan kewangan antarabangsa.

1MDB juga sedang melaksanakan projek pembangunan semula Lapangan Terbang Sungai Besi. Projek Bandar Malaysia tersebut, adalah satu projek pembangunan

bersepada memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Projek ini turut memperuntukkan sebahagian daripada keluasannya untuk membina Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

Selain dari itu, selari dengan nilai gagasan 1 Malaysia, Yayasan 1MDB menjadikan pendidikan, pembinaan kapasiti, pembangunan kemahiran dan lain-lain usaha sebagai fokus bagi memperkayakan kehidupan rakyat.

Antara projek-projek Yayasan 1MDB adalah Klinik Bergerak 1 Malaysia yang membawa kumpulan doktor dan jururawat memberi rawatan kesihatan asas percuma kepada penduduk-penduduk di pendalaman dengan menggunakan bas dan bot.

Dana Belia 1 Malaysia pula adalah sebuah dana yang bertujuan untuk menggalak penglibatan belia dalam pembangunan masyarakat. Projek Nadi Kasih pula membantu rakyat-rakyat termiskin di seluruh negara membaikpulih kediaman mereka yang usang.

Yayasan 1MDB juga menyediakan pelbagai geran akademik dan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar seluruh Malaysia, dari pelbagai latar belakang pendidikan, termasuklah pelajar-pelajar sekolah agama rakyat negeri dan sekolah-sekolah vernakular.

**NO. SOALAN:99**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]**

**TARIKH : 27 JUN 2012**

**SOALAN**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh**

manakah kejayaan 1MDB.

**JAWAPAN :**

1MDB diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk menerajui inisiatif ekonomi strategik yang akan menghasilkan pembangunan jangka panjang yang mampan.

1MDB kini sedang giat melaksanakan projek Kuaia Lumpur International Financial District, yang kini diperingkat pra-pembinaan. Projek RM26 billion yang mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini, mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global.

Kesan positif yang dibawa oleh KLIFD bukan sahaja kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di hub kewangan antarabangsa itu tetapi ia juga akan membuka peluang-peluang ekonomi baru dan mempertingkatkan daya maju perniagaan-perniagaan di kawasan sekitarnya.

Dari peringkat pembinaan lagi, KLIFD akan membuka banyak peluang perniagaan dan pekerjaan untuk rakyat Malaysia, disamping mengembangkan kemahiran dalam cabang-cabang baru. Apabila ia beroperasi, pusat kewangan antarabangsa berimpak tinggi ini bermatlamat menarik 250 syarikat global terbaik dalam industri perkhidmatan kewangan antarabangsa.

bersepadu memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Projek ini turut memperuntukkan sebahagian daripada keluasannya untuk membina Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

Selain dari itu, selari dengan nilai gagasan 1 Malaysia, Yayasan 1MDB menjadikari pendidikan, pembinaan kapasiti, pembangunan kemahiran dan lain-lain usaha

**1MDB juga sedang melaksanakan projek pembangunan semula Lapangan Terbang Sungai Besi. Projek Bandar Malaysia tersebut, adalah satu projek pembangunan**

sebagai fokus bagi memperkayakan kehidupan rakyat.

Antara projek-projek Yayasan 1MDB adalah Klinik Bergerak 1 Malaysia yang membawa kumpulan doktor dan jururawat memberi rawatan kesihatan asas percuma kepada penduduk-penduduk di pendalaman dengan menggunakan bas dan bot.

Dana Belia 1 Malaysia pula adalah sebuah dana yang bertujuan untuk menggalak penglibatan belia dalam pembangunan masyarakat. Projek Nadi Kasih pula membantu rakyat-rakyat termiskin di seluruh negara membaikpulih kediaman mereka yang usang.

Yayasan 1MDB juga menyediakan pelbagai geran akademik dan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar seluruh Malaysia, dari pelbagai latar belakang pendidikan, termasuklah pelajar-pelajar sekolah agama rakyat negeri dan sekolah-sekolah vernakular.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF  
                                  [BALIK PULAU]**

**TARIKH                    27 JUN 2012**

**SOALAN**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah perancangan dan bila penaiktarafan Hospital Daerah Balik Pulau nak dibuat dengan mengambil kira keperluan semasa dan penambahan penduduk di situ.

## **SOALAN N0.101**

### **Tuan Yang di-Pertua**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang merancang untuk melaksanakan projek naiktaraf Hospital Balik Pulau secara berperingkat. Bagi tempoh RMK-10 Rolling Plan Ke-3, permohonan untuk membina sebuah blok 4 tingkat untuk wad-wad akan dikemukakan, manakala kemudahan sokongan lain yang berkaitan akan dirancang selanjutnya untuk fasa 2 setelah pembinaan blok 4 tingkat tersebut siap. Pelaksanaan secara berperingkat adalah perlu bagi memastikan perkhidmatan sedia ada di hospital tersebut tidak terjejas.



**SOALAN NO.102**

**PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL**

**TARIKH**

**RAHMAN [ PASIR SALAK]**

**SOALAN**

**27JUN 2012 (RABU)**

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kenapa peruntukan kewangan yang telah diluluskan untuk projeknaiktarafpengairan pertanian Sg. Manik sebanyak RM130 juta tidak dikeluarkan sepenuhnya sehingga menyebabkan projek tersebut tidak dapat diteruskan sehingga siap mengikut jadual.

**JAWAPAN OLEH**

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek Menaiktaraf Skim Pengairan Sg. Manik mempunyai 7 pakej dengan anggaran asal RM130 juta. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) sejumlah RM70.57 juta telah dibelanjakan untuk menaiktaraf sistem pengairan bagi Pakej 1 hingga Pakej 5. Manakala bagi Pakej 6 dan Pakej 7 pelaksanaanya dirancang dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Setelah kajian dan semakan semula dibuat ke atas projek ini jumlah yang diperlukan untuk menyiapkan keseluruhan Pakej 6 dan Pakej 7 adalah sebanyak RM40 juta iaitu menaiktaraf tali air sekunder. Peruntukan ini telah dipohon dalam Rolling Plan Pertama dan Kedua tetapi tidak diluluskan. Walaubagaimana pun peruntukan ini telah pun dipohon dalam Rolling Plan Ke-3 dan sekiranya diluluskan maka pelaksanaannya akan dimulakan pada tahun 2014 dan 2015.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MOHD. NASIR ZAKARIA**

**TARIKH**

**27 JUN 2012**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) Status terkini Pengarah Besar FELDA, Dato' Dzulkifli Abdul Wahab yang dicutikan oleh Perdana Menteri; dan
- b) Mengapa beliau tidak dilibatkan secara langsung dalam usaha penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings dengan menganggotai mana-mana jawatankuasa atau Lembaga Pengarah FGVHB.

**JAWAPAN**

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN**

NO SOALAN : 104

**MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengarah Besar FELDA, Dato' Dzulkifli Abdul Wahab kini sedang mengikuti Kursus Advance Management iaitu Diploma In Strategy and Innovation di University of Oxford, Executive Education Centre, United Kingdom. Beliau cuti berkursus mulai 1 Feb 2012 sehingga 1 September 2012.
- b) Dato' Dzulkifli mula bercuti pada 17 Januari 2012 untuk membuat persediaan awal sebelum menyambung pengajiannya. Namun begitu, sebelum cuti belajar, beliau terlibat secara langsung dalam proses penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings (FGV).

oooooooooooooooooooo

**NO SOALAN : 106**